PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2012

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% pada suku ketiga

Persekitaran ekonomi dunia kekal mencabar pada suku ketiga 2012, dengan pertumbuhan yang tidak seimbang dalam ekonomi-ekonomi maju. Ekonomi AS mencatat pertumbuhan yang lebih baik manakala beberapa ekonomi maju utama yang lain terus mencatat pertumbuhan yang lembap, disebabkan oleh pelarasan fiskal, kelemahan pasaran pekerja dan pengantaraan kewangan yang terjejas. Di Asia, aktiviti ekonomi menjadi lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh kelemahan yang berterusan dalam permintaan luar negeri ekoran persekitaran global yang tidak menentu. Dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar ini, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.2% (S2 12: 5.6%) pada suku itu. Pertumbuhan dipengaruhi oleh permintaan luar negeri yang lebih perlahan, yang menyebabkan eksport barangan dan perkhidmatan benar bersih terus menurun. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri telah terus membantu mengekalkan pertumbuhan, disokong oleh prestasi yang menggalakkan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Pada suku ketiga, permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 11.4% (S2 12: 14.0%). Pembentukan modal tetap kasar mencatat prestasi yang mantap (22.7%, S2 12: 26.1%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Pelaburan sektor swasta didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor pengangkutan, harta tanah dan utiliti serta pelaksanaan projek-projek dalam sektor minyak dan gas yang berterusan. Bagi pelaburan awam, perbelanjaan modal oleh perusahaan awam disalurkan terutamanya

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% pada suku ketiga (pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ke dalam sektor pengangkutan, minyak dan gas serta utiliti, manakala perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan kemudahan awam. Permintaan dalam negeri juga disokong oleh penggunaan swasta yang terus berkembang sebanyak 8.5% (S2 12: 8.8%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang mampan. Di samping itu, pembayaran bonus kepada penjawat awam, serta pembayaran kedua (daripada tiga) sebanyak RM5,000 kepada peneroka FELDA telah menambahkan lagi rangsangan kepada perbelanjaan pengguna. Penggunaan awam menjadi sederhana kepada 2.3% (S2 12: 10.9%) disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

Dari segi penawaran, aktiviti kebanyakan sektor ekonomi menjadi sederhana pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan lebih perlahan, terjejas oleh persekitaran luaran yang lebih lemah manakala penguncupan sektor perlombongan disebabkan oleh penurunan yang ketara dalam pengeluaran gas asli berikutan

penutupan dirancang yang berpanjangan bagi beberapa loji pengeluaran gas untuk tujuan penyelenggaraan. Dalam sektor pertanian, pertumbuhan bertukar positif selaras dengan pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, manakala pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terus berkembang, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mantap.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 1.4% pada suku ketiga (S2 12: 1.7%), mencerminkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* serta dalam kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan.*

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa menjadi rendah sedikit kepada RM9.5 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 4.2% daripada PNK, disebabkan lebihan barangan diimbangi sebahagiannya oleh defisit pembayaran pendapatan bersih dan akaun perkhidmatan. Akaun kewangan bertukar arah untuk mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM8.7 bilion pada S3 12 (S2 12: +RM5.4 bilion) disebabkan aliran masuk bersih FDI dan pelaburan portfolio telah diimbangi oleh aliran keluar bersih pelaburan langsung di luar negeri dan pelaburan lain. Oleh itu, imbangan pembayaran keseluruhan telah bertukar arah untuk mencatat defisit sebanyak RM7.5 bilion pada S3 12 (S2 12: +RM12.7 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM421.3 bilion (bersamaan dengan USD137.5 bilion) pada 28 September 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi kerugian penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku itu. Pada 31 Oktober 2012, kedudukan rizab berjumlah RM423.9 bilion (bersamaan dengan USD138.3 bilion), memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2012. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada suku itu. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga kekal stabil pada 5.55% pada akhir bulan September 2012 (akhir Jun 2012: 5.60%).

Pada suku ketiga, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal ialah RM272.9 bilion (S2 12: RM275.0 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul telah berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.8% pada akhir bulan September (S2 12: 13.0%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM28.7 bilion pada suku ketiga (S2 12: RM27.6 bilion). Seperti pada suku sebelumnya, sebahagian besar dana telah diperoleh melalui sektor swasta, khususnya daripada terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM18.3 bilion (S2 12: RM22.5 bilion). Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh juga meningkat kepada RM10.4 bilion (S2 12: RM5.0 bilion).

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM8.6 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.3% pada akhir bulan September (akhir

bulan Jun 2012: 9.9%). Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM27.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2012: 12.8%). Peningkatan dalam M3 mencerminkan pemberian pinjaman yang berterusan kepada sektor swasta dan aliran masuk modal bersih yang lebih tinggi.

Pada suku ketiga, ringgit menambah nilai sebanyak 4.0% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan oleh sentimen pelabur yang menggalakkan terhadap Malaysia dan ekonomi serantau ekoran pelaksanaan pelonggaran monetari tambahan dalam ekonomi-ekonomi maju serta jangkaan terhadap kemajuan dalam penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.7%) dan euro (1.2%), tetapi kekal tidak berubah berbanding dengan paun sterling. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 0.1% hingga 5.1%.

Antara 1 Oktober hingga 12 November 2012, ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar AS (0.1%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.6%), paun sterling (2.3%) dan euro (1.7%). Di rantau ini, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-2.2%), peso Filipina (-1.5%), renminbi China (-0.9%) dan baht Thailand (-0.5%). Ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar Singapura (-0.1%).

Kestabilan kewangan berterusan

Kestabilan kewangan domestik secara keseluruhan telah terpelihara sepanjang suku ketiga, disokong oleh penampan kewangan yang kukuh pada peringkat sistem dan institusi. Pasaran kewangan terus berada dalam keadaan yang teratur disebabkan oleh pengantaraan yang baik oleh pasaran terhadap aliran portfolio yang turun naik.

Sektor perbankan kekal berdaya tahan pada suku itu, dengan penampan modal yang kukuh, keuntungan yang mampan dan mudah tunai yang mencukupi. Permodalan sektor perbankan kekal stabil, dengan nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing pada 13% (S2 12: 13.4%) dan 14.8% (S2 12: 15.1%). Sektor insurans turut mencatat nisbah kecukupan modal yang kukuh pada 218.6% (S2 12: 216.7%) dan penampan modal yang melebihi RM20 bilion.

Permintaan dalam negeri akan menyokong pertumbuhan dalam keadaan persekitaran luaran yang terus lemah

Penunjuk ekonomi terkini menggambarkan pertumbuhan global yang agak stabil pada masa hadapan. Namun begitu, risiko masih wujud disebabkan oleh ketidakpastian dasar yang berterusan dalam beberapa ekonomi utama. Khususnya, penggubal dasar dalam ekonomi-ekonomi ini berdepan dengan tugas yang mencabar untuk membuat keputusan penting mengenai isu-isu yang berkaitan dengan konsolidasi fiskal dan reformasi utama bagi mengatasi kelemahan asas struktur yang menghalang pemulihan ekonomi.

Bagi ekonomi Malaysia, walaupun kelembapan keadaan ekonomi global telah menjejaskan pertumbuhan pada suku ketiga, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan. Melangkah ke hadapan, persekitaran luaran yang lebih mencabar akan mewujudkan risiko terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi teras utama pertumbuhan, disokong oleh peningkatan dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Perbelanjaan awam dan aktiviti pelaburan dijangka turut menyokong pertumbuhan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2012

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi global terus sederhana meskipun keadaan pasaran kewangan bertambah baik

Persekitaran ekonomi dunia kekal mencabar pada suku ketiga 2012, dengan pertumbuhan yang tidak seimbang dalam ekonomi-ekonomi maju. Ekonomi AS mencatat pertumbuhan yang lebih baik manakala beberapa ekonomi maju utama yang lain terus mencatat pertumbuhan yang lembap, disebabkan oleh pelarasan fiskal, kelemahan pasaran pekerja dan pengantaraan kewangan yang terjejas. Di Asia, aktiviti ekonomi menjadi lebih sederhana disebabkan oleh kesan limpahan daripada ketidaktentuan luaran terhadap permintaan dalam negeri yang telah menjadi lebih nyata. Sesetengah negara telah melaksanakan langkah-langkah dasar bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa bertambah baik apabila langkah-langkah dasar diambil bagi mengurangkan ketidaktentuan pasaran dalam ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis. Pada awal suku ketiga, turun naik dalam pasaran kewangan telah berkurang daripada tahap tertingginya apabila hasil Sidang Kemuncak Eropah pada bulan Jun telah memberikan hala tuju dasar yang jelas mengenai masa depan kesatuan mata wang. Selain itu, bank-bank pusat di kawasan euro, AS dan Jepun telah melaksanakan pelonggaran selanjutnya dalam dasar monetari masing-masing melalui pendekatan yang tidak konvensional, lantas mengurangkan sedikit tekanan dalam pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat tempoh turun naik yang tinggi dalam pasaran kewangan berikutan perkembangan di kawasan euro yang menyebabkan peningkatan sementara dalam aktiviti penghindaran risiko. Perkembangan ini termasuk permintaan pembiayaan sebanyak dolar AS 125 bilion oleh kerajaan Sepanyol untuk permodalan semula sektor perbankan, yang menyebabkan hasil bon kerajaan Sepanyol untuk tempoh 10-tahun meningkat kepada tahap yang tertinggi sekitar 7.5%. Sentimen pasaran terus merosot berikutan penurunan penarafan bagi beberapa kerajaan dan bank oleh sebilangan agensi penarafan kredit seperti penurunan penarafan kerajaan Sepanyol oleh Fitch dan penurunan penarafan bank-bank di Jerman dan Austria oleh Moody. Pada bulan November, turun naik dalam pasaran kewangan meningkat apabila penangguhan pemberian bantuan kewangan selanjutnya kepada Greece menyebabkan ketidaktentuan pasaran muncul kembali. Di AS, pelabur menumpukan semula perhatian mereka pada isu “fiscal cliff” selepas pilihan raya presiden.

Ekonomi AS berkembang pada kadar tahunan 2.3% pada suku ketiga (S2 12: 2.1%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi AS berkembang pada kadar 2.0% (S2 12: 1.3%). Penggunaan swasta bertambah baik, terutamanya permintaan bagi kereta dan barangan tidak tahan lama. Perbelanjaan isi rumah adalah mampan disebabkan peningkatan dalam kredit dan pengeluaran simpanan peribadi dalam keadaan keyakinan pengguna yang lebih tinggi. Pewujudan peluang pekerjaan kekal positif, mencatat penambahan yang lebih kukuh sebanyak 521,000 pada suku ketiga (S2 12: 200,000). Pelaburan tetap swasta meningkat sebanyak 6.4% (S2 12: 9.9%), apabila peningkatan sementara dalam pasaran perumahan mendorong pelaburan harta kediaman yang lebih tinggi. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat disebabkan oleh peningkatan yang lebih besar daripada jangkaan dalam perbelanjaan pertahanan. Kadar tahunan inflasi adalah lebih rendah pada 1.7% (S2 12: 1.9%).

Pertumbuhan di kawasan euro terus lemah di tengah-tengah kemelesetan ekonomi yang berlanjutan dalam beberapa ekonomi yang dilanda krisis kewangan. Permintaan dalam negeri terjejas oleh sentimen negatif dalam sektor swasta yang berpunca daripada

langkah-langkah penjimatan dan krisis hutang kerajaan yang berterusan. Penggunaan, terutamanya dalam beberapa ekonomi yang dilanda krisis kewangan, merosot disebabkan oleh pasaran pekerja yang lemah dan keadaan pembiayaan yang ketat. Kadar pengangguran di kawasan zon euro meningkat kepada 11.5%, dengan pengangguran dalam kalangan belia melebihi 50% di Greece dan Sepanyol. Inflasi kekal stabil pada 2.6% (S2 12: 2.5%).

Ekonomi UK mencatat pertumbuhan yang mendatar pada suku ketiga (S2 12: -0.5%). Pada asas suku tahunan, KDNK benar berkembang sebanyak 1.0% (S2 12: -0.4%), setelah mengalami penguncupan berturut-turut pada tiga suku sebelumnya. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama pertumbuhan, disebabkan oleh sokongan daripada penganjuran Sukan Olimpik. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi keseluruhan terus lemah, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam sektor pembinaan. Kelemahan yang berlanjutan ini mencerminkan impak negatif daripada konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan dan kemerosotan eksport kepada kawasan euro. Inflasi terus menurun disebabkan oleh kenaikan yang lebih kecil dalam harga tenaga (2.4%, S2 12: 2.8%).

Di Jepun, kadar pemulihan ekonomi telah menjadi perlahan kepada 0.1% (S2 12: 3.2%), mencerminkan kesan yang semakin berkurang terhadap permintaan berkaitan pembinaan semula, dalam keadaan persekitaran luaran yang terus lemah. Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, pertumbuhan ekonomi menguncup kepada 3.5% (S2 12: 0.3%). Pertumbuhan eksport menurun dengan ketara pada suku itu (-4.9%, S2 12: 9.2%). Di dalam negeri, perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan berikutan pembelian saat akhir untuk kenderaan jimat tenaga dengan berakhirnya program subsidi. Tekanan deflasi berterusan apabila harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) menurun pada suku ketiga (-0.2%, S2 12: 0.0%) berikutan harga yang secara amnya rendah merentas semua kategori dan kenaikan harga tenaga yang lebih perlahan.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	1.3	4.1	2.0	1.3	2.0[a]
UK	0.7	0.7	-0.1	-0.5	0.0
Jepun[1]	9.5[r]	-1.2[r]	5.2[r]	0.3[r]	-3.5[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari kekal akomodatif dalam ekonomi-ekonomi maju, dengan lebih banyak langkah tidak konvensional telah dilaksanakan berikutan tanda-tanda prospek pertumbuhan yang semakin lemah. Di Amerika Syarikat, Federal Open Market Committee (FOMC) mengekalkan kadar federal funds pada paras terendah dalam sejarah iaitu pada 0-0.25%. Di samping itu, FOMC meluaskan langkah pelonggaran kuantitatifnya dengan meningkatkan pembelian sekuriti agensi yang bersandarkan gadai janji pada kadar USD40 bilion sebulan. Bank Pusat Eropah (ECB) menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 0.75% dan mengurangkan kadar deposit semalaman kepada 0%. ECB turut meluaskan rangkaian aset yang layak untuk digunakan sebagai cagaran daripada bank-bank di kawasan euro bagi menyokong aktiviti pinjaman bank di rantau ini. Memandangkan pemulihan ekonomi lemah, Bank of England (BoE) memperluas langkah-langkah pelonggaran kuantitatifnya dengan meningkatkan saiz program pembelian asetnya pada bulan Julai sebanyak £50 bilion kepada £375 bilion di samping mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5%. Selain itu, BoE dan kerajaan British bersama-sama mengumumkan rancangan pinjaman £100 bilion untuk isi rumah dan perniagaan. Bank of Japan (BoJ) memutuskan untuk meningkatkan skim pinjaman yang sedia ada sebanyak ¥2 trilion melalui Kemudahan Dana Sokongan untuk Pertumbuhan. Kemudahan dana ini diperkenalkan awal tahun ini dalam usaha menyokong pembiayaan kepada industri-industri yang mempunyai prospek pertumbuhan. BoJ juga menambah jumlah saiz

Program Pembelian Aset sebanyak ¥10 trilion kepada ¥80 trilion untuk membeli bon kerajaan Jepun dan bil diskaun perbendaharaan.

Kebanyakan ekonomi Asia terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang terus lemah. Dalam beberapa ekonomi, terdapat juga tanda-tanda yang semakin jelas bahawa kesan limpahan yang buruk daripada sektor luaran telah mula memberikan kesan kepada permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, banyak ekonomi ASEAN terus mencatat kadar pertumbuhan yang secara relatif kukuh, sebahagiannya disokong oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi (Thailand, Malaysia dan Filipina) dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan (Malaysia dan Indonesia). Pertumbuhan ekonomi RR China menjadi sederhana kepada 7.4% (S1 12: 7.6%), disebabkan aktiviti yang lebih perlahan dalam sektor utama dan sekunder. Di Singapura, pertumbuhan menjadi perlahan kepada 0.3% (S2 12: 2.5%)

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.1	8.9	8.1	7.6	7.4[p]
Singapura	6.0	3.6	1.6[d]	2.5[d]	0.3[p]
Korea	3.6	3.3	2.8	2.3	1.6[a]
China Taipei	3.5	1.9	0.4	-0.2	1.0[a]
Indonesia	6.5	6.5	6.3	6.4	6.2

[a] Anggaran awal
[d] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

disebabkan oleh penurunan dalam aktiviti perkilangan dan pembinaan. Ekonomi Korea juga berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.6% (S2 12: 2.3%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan dan eksport yang lebih lemah. Ekonomi China Taipei meningkat kepada 1.0% (S2 12: -0.2%) berikutan pemulihan dalam pertumbuhan pelaburan. Aktiviti ekonomi di Indonesia meningkat sebanyak 6.2% (S2 2012: 6.4%), disebabkan oleh penggunaan dan pelaburan yang mampan.

Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih lembab dan kenaikan lebih perlahan dalam harga komoditi dunia, inflasi keseluruhan menjadi sederhana dalam beberapa ekonomi rantau ini pada suku tersebut, kecuali Filipina dan China Taipei yang mengalami kenaikan harga ekoran kos makanan yang meningkat. Inflasi di India melonjak menjelang akhir suku ketiga apabila kerajaan menaikkan harga bahan api yang disubsidi untuk mengurangkan defisit bajet. Dengan inflasi tidak lagi menjadi kebimbangan dasar yang ketara di rantau ini, beberapa pihak berkuasa kewangan mula melonggarkan dasar monetari mereka untuk menyokong pertumbuhan ekonomi ekoran peningkatan risiko yang berpunca daripada persekitaran luaran. Pada bulan Julai, Bank of Korea (BoK) dan Bangko Sentral ng Pilipinas (BSP) menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak 25 mata asas, masing-masing kepada 3.00% dan 3.75%. People's Bank of China turut menurunkan kadar pinjaman tanda aras satu tahunnya sebanyak 31 mata asas kepada 6.00% selepas menurunkan kadar tersebut sebanyak 25 mata asas pada bulan Jun. Pada bulan Oktober, BoK dan BSP terus menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak 25 mata asas, masing-masing kepada 2.75% dan 3.50%, sementara Bank of Thailand juga mengurangkan kadar dasar tanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 2.75%. Dari segi fiskal, beberapa negara, termasuk RR China, Korea, Thailand dan China Taipei, telah melaksanakan langkah fiskal untuk merangsang permintaan dalam negeri. Dasar ini termasuk mempercepat kelulusan dan pelaksanaan projek infrastruktur di RR China, dan penurunan cukai penggunaan dan peluasan program kebajikan sosial di Korea. Di Thailand pula, selain perbelanjaan bagi langkah pengelakan banjir yang berterusan, kerajaan turut mengumumkan rancangan untuk meningkatkan pelaburan dalam infrastruktur kereta api dan projek

pengurusan air. Kerajaan China Taipei juga mengumumkan rangsangan untuk menyokong aktiviti ekonomi, termasuk melonggarkan kawal selia terhadap pelaburan asing dan melaksanakan projek infrastruktur bagi merangsang pelaburan swasta.

Setelah mencatat harga terendah USD90.9 setong pada akhir bulan Jun, harga minyak mentah[1] meningkat secara berterusan pada suku ketiga, pada purata USD109.5 setong (S2 12: USD108.8 setong). Kenaikan harga ini terutamanya disebabkan oleh beberapa kejadian yang menjejaskan bekalan, antaranya mogok pekerja syarikat-syarikat minyak utama Norway, pengeluaran minyak yang lebih rendah di Laut Utara, dan pergolakan geopolitik yang sedang berlaku di Timur Tengah. Kenaikan harga dikekang buat seketika pada akhir bulan September susulan data ekonomi RR China yang lebih lemah dan janji oleh Arab Saudi untuk menurunkan harga. Pada 28 September 2012, harga minyak mentah ditutup pada USD112.2 setong.

Pasaran pertukaran asing bertambah aktif susulan keyakinan pasaran yang disebabkan oleh langkah pelonggaran monetari yang berterusan oleh pihak berkuasa monetari. Hasilnya, kebanyakan mata wang utama dan Asia menambah nilai berbanding dengan dolar. Pada awal suku tersebut, euro dan mata wang Asia menyusut nilai berbanding dengan dolar AS, apabila wilayah Sepanyol meminta bantuan kewangan daripada kerajaan persekutuan lantas menyebabkan krisis hutang kerajaan Eropah kembali meruncing dan seterusnya meningkatkan aktiviti penghindaran risiko. Prospek pertumbuhan global yang lebih lembab turut mempengaruhi keyakinan pelabur. Namun, pada bulan September, pelaksanaan langkah pelonggaran monetari yang tak lazim oleh Federal Reserve AS, BOJ dan ECB telah memulihkan sentimen pasaran. Ekoran itu, kebanyakan mata wang menambah nilai pada suku ketiga kerana pertambahan mudah tunai telah mendorong pelabur mencari aset yang boleh menjana kadar hasil yang lebih tinggi. Pergerakan yen Jepun terutamanya mencerminkan permintaan terhadap mata wang selamat (safe-haven), dengan penambahan nilai yang dicatat semasa tempoh penghindaran risiko telah mengimbangi penurunan kecil pada bulan Ogos yang disebabkan oleh data ekonomi dalam negeri yang lemah.

Penunjuk ekonomi terkini menggambarkan pertumbuhan global yang agak stabil pada masa hadapan. Namun begitu, risiko masih wujud disebabkan oleh ketidakpastian dasar yang berterusan dalam beberapa ekonomi utama. Khususnya, penggubal dasar dalam ekonomi-ekonomi ini berdepan dengan tugas yang mencabar untuk membuat keputusan penting mengenai isu-isu yang berkaitan dengan konsolidasi fiskal dan reformasi utama bagi mengatasi kelemahan asas struktur yang menghalang pemulihan ekonomi.

[1] Merujuk kepada niaga hadapan satu bulan Brent di Intercontinental Exchange (ICE)

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.2% pada suku ketiga 2012 (S2 12: 5.6%). Pertumbuhan didorong oleh pengembangan permintaan dalam negeri yang terus teguh dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah. Eksport bersih terus menguncup berikutan penyusutan dalam eksport barangan perkilangan dan komoditi. Kali terakhir eksport mencatat kemerosotan adalah pada S3 2009. Dari segi penawaran, aktiviti dalam kebanyakan sektor ekonomi utama adalah lebih sederhana pada suku ketiga.

Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 11.4% pada suku ketiga 2012 (S2 12: 14.0%) disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan sektor swasta dan awam yang menggalakkan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	8.7	10.4	10.0	14.0	11.4
Penggunaan	10.0	11.1	7.7	9.2	7.3
Sektor swasta	*7.6*	*7.3*	*7.4*	*8.8*	*8.5*
Sektor awam	*21.1*	*22.9*	*9.1*	*10.9*	*2.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	5.4	8.4	16.1	26.1	22.7
Sektor swasta	*2.9*	*18.8*	*19.8*	*24.6*	*22.9*
Sektor awam	*9.4*	*1.9*	*10.3*	*28.9*	*22.4*
Eksport Bersih	10.5	-10.5	-20.9	-36.2	-50.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*4.8*	*5.5*	*2.8*	*2.1*	*-3.0*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*3.9*	*7.8*	*6.8*	*8.1*	*4.4*
KDNK	**5.7**	**5.2**	**5.1**	**5.6**	**5.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan teguh sebanyak 22.7% pada suku ketiga (S2 12: 26.1%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan awam. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 22.9% (S2 12: 24.6%), disokong perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan, seperti subsektor pengangkutan, harta tanah dan utiliti serta pelaksanaan projek dalam sektor minyak dan gas yang sedang dijalankan. Pelaburan awam meningkat sebanyak 22.4% (S2 12: 28.9%), didorong perbelanjaan modal perusahaan awam (kebanyakannya perusahaan awam bukan kewangan dalam sektor pengangkutan, minyak dan gas, dan utiliti). Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan kemudahan awam. Aktiviti pelaburan yang berterusan turut dicerminkan oleh penunjuk utama seperti jualan kenderaan perdagangan dan import barangan modal.

Penggunaan swasta terus meningkat dengan kukuh pada 8.5% pada suku ketiga (S2 12: 8.8%). Perbelanjaan isi rumah disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan pendapatan yang mampan. Penggunaan juga mendapat manfaat daripada pembayaran bonus kepada penjawat awam dan pembayaran kedua (daripada tiga) sebanyak RM5,000 kepada 112,635 peneroka FELDA. Perbelanjaan pengguna yang terus meningkat dalam keadaan sentimen yang lebih positif dicerminkan dalam pertumbuhan import barangan penggunaan, pungutan cukai perkhidmatan dan perbelanjaan kad kredit.

Penggunaan awam menjadi sederhana kepada 2.3% (S2 12: 10.9%), disebabkan perbelanjaan dalam bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

Keyakinan pengguna terus meningkat



Sumber: MIER

Pertumbuhan sederhana dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, aktiviti dalam kebanyakan sektor ekonomi menjadi sederhana pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi lebih perlahan berikutan terjejas dengan persekitaran luar negeri yang lemah, sementara penguncupan sektor perlombongan adalah berikutan penutupan dirancang yang berpanjangan bagi beberapa loji pengeluaran gas untuk tujuan penyelenggaraan. Dalam sektor pertanian, pertumbuhan kembali positif sejajar dengan pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan pengeluaran tanaman makanan yang lebih kukuh. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang teguh, manakala sektor perkhidmatan terus berkembang, didorong permintaan dalam negeri yang kukuh.

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada suku ketiga 2012 (7.0%; S2 12: 6.6%) didorong permintaan dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit adalah lebih sederhana pada 4.4% (S2 12: 5.9%) kerana segmen borong telah terjejas oleh aktiviti perdagangan yang lebih perlahan. Namun demikian, pertumbuhan segmen runcit adalah mampan, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh. Pertumbuhan subsektor komunikasi terus teguh (9.1%; S2 12: 9.5%), disokong permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data yang berterusan. Subsektor kewangan dan insurans meningkat dengan kukuh sebanyak 11.8% (S2 12: 6.6%), mencerminkan pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang terus meningkat. Dalam subsektor utiliti, pertumbuhan adalah lebih rendah (3.8%; S2 12: 4.43%) kerana permintaan terhadap elektrik oleh pengguna perindustrian lebih rendah berikutan aktiviti perkilangan yang lebih perlahan. Pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan juga menurun (3.6%; S2 12: 5.8%) dalam keadaan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan akibat persekitaran luar negeri yang lebih lemah.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	8.8	6.9	2.1	-4.7	0.5
Perlombongan	-5.9	-3.8	0.3	2.3	-1.2
Perkilangan	5.4	5.2	4.4	5.6	3.3
Pembinaan	4.0	7.5	15.5	22.2	18.3
Perkhidmatan	7.1	6.6	5.7	6.6	7.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.7**	**5.2**	**5.1**	**5.6**	**5.2**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**3.7**	**1.8**	**-2.8**	**3.0**	**3.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2011 (%)	2011		2012		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.6**	**5.9**	**6.5**	**5.1**	**7.2**	**8.8**
Kewangan & insurans	17.0	5.3	7.1	2.0	6.6	11.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.0	4.6	4.4	6.9	7.6	7.2
Pengangkutan & penyimpanan	6.8	6.1	6.0	5.9	5.8	3.6
Komunikasi	6.8	8.9	8.8	9.4	9.5	9.1
Perkhidmatan Akhir	**59.4**	**8.0**	**6.7**	**6.1**	**6.2**	**5.7**
Perdagangan borong & runcit	26.6	8.4	6.8	6.4	5.9	4.4
Penginapan & restoran	4.5	6.3	6.3	6.1	6.8	4.0
Utiliti	4.7	4.5	3.6	5.0	4.3	3.8
Perkhidmatan Kerajaan	14.3	11.5	10.4	7.1	8.4	11.0
Perkhidmatan lain	9.4	4.3	2.5	4.3	4.3	3.8
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.1**	**6.6**	**5.7**	**6.6**	**7.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2011			2012		
	S2	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	107.9	108.7	106.3	114.3	114.9	118.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	120.8	150.0	92.6	85.3	119.4	130.2
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	125.4	115.2	126.0	125.2	117.3	129.9
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	-4.8	4.7	5.4	0.4	4.3	n.a.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	13.4	10.8	7.0	6.4	1.9	2.9
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	8.7	8.5	9.5	7.8	7.5	7.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	6.8	9.6	11.5	11.1	11.1	11.7
Import barangan penggunaan	17.8	26.4	25.2	20.4	10.7	11.4
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-9.7	0.6	-1.5	-12.6	17.3	2.7
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	9.6	9.8	11.5	7.4	4.2	1.7

Sumber: Pelbagai sumber

Nilai tambah sektor perkilangan lebih rendah pada 3.3% (S2 12: 5.6%), ekoran pertumbuhan lebih sederhana dalam pengeluaran industri berorientasikan eksport dan dalam negeri pada suku ketiga. Dalam industri berorientasikan eksport, kelompok E&E mencatat pengeluaran yang sederhana sebanyak 1.2% (S2 12: 2.9%) kerana terjejas oleh pengeluaran produk elektrik yang lebih lemah. Di samping itu, pengeluaran kimia dan keluaran kimia juga lebih sederhana disebabkan oleh keadaan permintaan luar negeri yang lemah. Sebaliknya, pengembangan industri berorientasikan dalam negeri disokong kelompok berkaitan pembinaan yang terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri yang teguh.

Secara keseluruhan, kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit (81%; S2 12: 82%), mencerminkan pertumbuhan lebih perlahan dalam pengeluaran sektor ini. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 80% dan 82% daripada jumlah kapasiti pada suku tersebut (S2 12: masing-masing 82% dan 82%).

Prestasi Sektor Perkilangan

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 2005)	**5.4**	**5.2**	**4.4**	**5.6**	**3.3**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**5.4**	**4.9**	**4.6**	**5.8**	**3.5**
Industri berorientasikan eksport	**4.0**	**2.9**	**3.0**	**5.1**	**2.3**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**-0.5**	**-3.0**	**0.0**	**2.9**	**1.2**
Antaranya:					
Elektronik	-3.9	-10.3	-3.6	3.0	5.1
Keluaran elektrik	4.0	6.5	4.6	2.8	-3.6
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**6.5**	**6.1**	**4.5**	**6.2**	**2.9**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	9.7	14.1	9.1	10.8	6.2
Keluaran petroleum	1.7	-1.1	3.8	9.5	-0.2
Keluaran getah	15.5	9.5	3.4	4.1	2.2
Pemprosesan di luar estet	9.9	13.8	2.2	-15.4	2.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**10.0**	**11.4**	**10.0**	**8.2**	**7.0**
Kelompok berkaitan pembinaan	**19.1**	**12.3**	**8.3**	**4.8**	**10.5**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	13.1	8.3	0.9	2.6	1.6
Keluaran logam yang direka	27.5	17.5	17.4	7.6	21.5
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**3.5**	**10.7**	**11.4**	**11.3**	**4.1**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	-0.1	8.5	9.9	14.6	12.7
Makanan, minuman & keluaran tembakau	4.9	9.8	11.5	10.2	1.9

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pembinaan terus teguh pada suku ketiga (18.3%; S2 12: 22.2%), didorong subsektor kejuruteraan awam. Kemajuan dalam pelaksanaan projek-projek lebih baharu seperti MRT dan loji kuasa Tanjung Bin telah menyokong pertumbuhan subsektor tersebut, seperti juga projek infrastruktur dan minyak dan gas utama lain yang sedang giat dijalankan seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, loji kuasa Janamanjung, projek saluran paip pesisir Gumusut-Kakap dan Saluran Gas Sabah-Sarawak. Pertumbuhan subsektor kediaman dan bukan kediaman juga terus kukuh. Sementara pertumbuhan subsektor kediaman disokong pembinaan harta kediaman mewah, subsektor bukan kediaman pula disokong pembinaan bangunan perindustrian dan perdagangan.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Kelulusan perumahan	54.1	29.8	75.6	126.9	3.2
Permit jualan dan pengiklanan perumahan baharu	6.0	22.4	12.5	13.9	25.6
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	19.1	12.3	8.3	4.8	10.5
Keluaran logam berstruktur	65.5	41.4	49.2	3.1	40.1
Besi dan keluli	2.1	1.0	-11.7	-2.0	-5.3
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	-2.4	2.5	3.3	8.9	4.3
Konkrit siap dibancuh	38.7	35.3	18.2	23.8	18.2
Pinjaman untuk aktiviti pembinaan					
Kelulusan	-19.9	64.4	38.2	-9.0	5.3
Pengeluaran	-4.7	17.9	16.0	17.9	49.0

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Nilai tambah sektor pertanian kembali positif lantas mencatat pertumbuhan sebanyak 0.5% (S2 12: -4.7%). Ini terutamanya disebabkan oleh pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan pengeluaran tanaman makanan yang kukuh. Sebaliknya, sektor perlombongan menguncup sebanyak 1.2% (S2 12: 2.3%), mencerminkan penurunan ketara dalam pengeluaran gas asli berikutan penutupan yang dirancang yang berpanjangan bagi beberapa loji pengeluaran gas untuk tujuan penyelenggaraan.

Prestasi Sektor Pertanian

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**8.8**	**6.9**	**2.1**	**-4.7**	**0.5**
Tanaman Industri	**10.7**	**7.8**	**1.4**	**-12.3**	**-3.9**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	12.5	16.9	3.5	-17.5	1.6
Getah	15.1	-6.9	-9.4	-2.1	-15.6
Tanaman Makanan	**6.2**	**5.6**	**2.8**	**5.8**	**6.4**
Antaranya:					
Perikanan	3.6	1.2	-4.4	-0.2	4.7
Ternakan	11.9	10.3	11.0	7.7	7.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-5.9**	**-3.8**	**0.3**	**2.3**	**-1.2**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-9.8	-6.6	0.1	5.7	0.0
Gas asli	-2.0	0.7	-0.2	-4.4	-3.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi terus sederhana

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 1.4% pada suku ketiga (S2 12: 1.7%), mencerminkan inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* serta *pelbagai barangan dan perkhidmatan*.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Inflasi dalam kategori *pengangkutan* menjadi sederhana kepada 0.2% (S2 12: 0.5%) apabila impak daripada pelarasan menurun harga petrol RON97 pada bulan Julai telah lebih daripada mengimbangi impak daripada pelarasan menaik seterusnya yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September. Inflasi dalam kategori *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* adalah lebih rendah memandangkan impak daripada kenaikan caj perkhidmatan televisyen satelit pada pertengahan bulan Julai 2011 telah luput (S3 12: 0.5%, S2 12: 1.3%). Inflasi dalam kategori *pelbagai barangan dan perkhidmatan* menyusut kepada 1.4% pada suku ketiga (S2 12: 2.3%) mencerminkan kenaikan harga barang kemas yang lebih perlahan.

Inflasi makanan secara relatif stabil pada suku ketiga pada 2.6% (S2 12: 2.7%). Penurunan sedikit dalam inflasi makanan mencerminkan harga dalam kategori *daging* yang lebih rendah (S3 12: -3.1%; S2 12: -1.9%) dan kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *ikan dan makanan laut* (S3 12: 7.3%; S2 12: 7.6%), sebahagiannya disebabkan pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan oleh Kerajaan pada bulan Julai dan Ogos.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pada suku ketiga menurun sebanyak 0.7% pada asas tahunan (S2 12: 0.8%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi merosot sebanyak 2.7% (S2 12: 1.7%) manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat sebanyak 0.6% (S2 12: 0.2%) pada suku tersebut. Harga komponen tempatan merosot sebanyak 1.1% (S2 12: 0.8%) sementara harga komponen yang diimport meningkat lebih perlahan sebanyak 0.7% (S2 12: 0.8%).

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai 2012, data kekosongan jawatan mencerminkan kajian semula teknikal
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan

Keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan kekal positif pada suku ketiga. Jumlah guna tenaga purata pada bulan Julai dan Ogos ialah 12.67 juta orang, yang merupakan pewujudan peluang pekerjaan bersih sebanyak 169,450 berbanding dengan suku kedua. Kadar pengangguran menurun kepada 2.9% pada dua bulan pertama suku ketiga (S2 12: 3.0%). Walau bagaimanapun, pemberhentian pekerja bertambah sedikit kepada 1,767 orang daripada 1,516 orang pada suku sebelumnya. Daripada jumlah ini, sektor perkilangan mencakupi 78% daripada jumlah pemberhentian pekerja, kebanyakannya melibatkan industri berorientasikan eksport.

Permintaan terhadap pekerja terus mampan pada suku ketiga seperti ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam Portal JobsMalaysia yang lebih tinggi (453,893 jawatan; S2 12: 419,636 jawatan). Sektor pembinaan mencakupi sebahagian besar daripada pertambahan dalam kekosongan jawatan, sejajar dengan pertumbuhan sektor ini yang teguh. Upah benar dalam sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih rendah pada 3.8% berbanding dengan suku sebelumnya (S2 12: 5.2%).

Akaun semasa terus mencatat lebihan

Lebihan akaun semasa menjadi rendah sedikit pada suku ketiga kepada RM9.5 bilion, bersamaan dengan 4.2% daripada PNK disebabkan lebihan barangan diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran pendapatan bersih dan defisit perkhidmatan.

Imbangan Pembayaran

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	**27.4**	**22.4**	**18.1**	**9.6**	**9.5**
(% daripada PNK)	*12.5*	*10.0*	*8.3*	*4.4*	*4.2*
Barangan	37.7	36.8	35.8	29.4	25.5
Perkhidmatan	-1.1	-3.8	-3.8	-3.6	-3.4
Pendapatan	-3.9	-5.3	-8.6	-11.7	-7.9
Pindahan semasa	-5.3	-5.4	-5.3	-4.6	-4.7
Akaun Kewangan	**-22.5**	**-0.2**	**-10.3**	**5.4**	**-8.7**
Pelaburan langsung di luar negeri	-13.0	-14.7	-16.9	-2.5	-7.7
Pelaburan langsung asing	9.1	6.5	7.5	6.1	9.6
Pelaburan portfolio	-28.0	-2.7	25.3	-5.0	27.6
Derivatif kewangan	-0.3	-0.3	0.0	1.0	-0.1
Pelaburan lain	9.7	11.0	-26.1	5.9	-38.1
- Sektor awam	*-0.5*	*-0.1*	*-0.5*	*-0.3*	*0.0*
- Sektor swasta	*10.2*	*11.1*	*-25.6*	*6.1*	*-38.0*
Kesilapan dan ketinggalan	6.0	-15.9	-14.9	-2.2	-8.3
Imbangan Keseluruhan	**10.9**	**6.2**	**-7.2**	**12.7**	**-7.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport kasar menjadi negatif (-1.5%) pada suku ketiga disebabkan eksport barangan perkilangan dan komoditi yang merosot. Penguncupan eksport perkilangan terutamanya disebabkan permintaan yang lebih lemah daripada ekonomi maju dan serantau terhadap keluaran E&E. Eksport keluaran perkilangan berasaskan sumber dan komoditi juga merosot, mencerminkan harga komoditi yang lebih rendah dan permintaan daripada ekonomi serantau yang lebih lembap. Namun, eksport mineral terus berkembang, disokong permintaan terhadap gas asli yang mampan dan harga gas asli yang tinggi.

Import kasar terus berkembang (+7.3%), meskipun pada kadar yang lebih perlahan, terutamanya disebabkan import modal dan import penggunaan yang masih tinggi. Pertumbuhan import modal disokong import jentera dan kapal terbang berikutan aktiviti pelaburan dalam ekonomi dalam negeri yang berterusan. Import barangan penggunaan terus mampan, terutamanya disebabkan import yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman yang diproses serta barangan pengguna tidak tahan lama. Walau bagaimanapun, import barangan pengantara terus menguncup sejajar dengan kemerosotan dalam eksport perkilangan.

Pada suku ketiga, defisit dalam akaun perkhidmatan rendah sedikit pada RM3.4 bilion. Defisit yang lebih rendah ini terutamanya disebabkan bayaran bersih bagi perkhidmatan pengangkutan yang berkurang dalam keadaan pendapatan perjalanan bersih yang lebih tinggi. Defisit dalam akaun pendapatan lebih kecil pada RM7.9 bilion, berikutan pendapatan pelaburan terakru yang lebih tinggi kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dan pendapatan pelaburan terakru yang lebih rendah bagi pelabur langsung asing di Malaysia. Pada suku ketiga, keuntungan yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya keuntungan besar yang dijana syarikat Malaysia yang melabur dalam sektor kewangan serta minyak dan gas di luar negeri.

Akaun kewangan berubah arah lantas mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM8.7 bilion pada S3 12 (S2 12: +RM5.4 bilion) memandangkan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dan pelaburan portfolio telah diimbangi oleh aliran keluar bersih pelaburan langsung di luar negeri dan pelaburan lain.

Akaun Perdagangan

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**11.7**	**9.8**	**3.9**	**2.8**	**-1.5**
Perkilangan	4.9	2.2	1.2	2.1	-1.3
E&E	*-4.0*	*-5.0*	*-1.7*	*-2.4*	*-1.7*
Bukan E&E	*15.9*	*10.3*	*4.2*	*6.7*	*-0.8*
Komoditi	29.6	28.8	9.1	3.7	-3.0
Pertanian	*45.0*	*18.9*	*-8.0*	*-12.5*	*-21.4*
Mineral	*19.4*	*36.6*	*20.9*	*16.3*	*11.8*
Import Kasar	**7.3**	**6.8**	**6.8**	**8.7**	**7.3**
Barangan modal	5.4	2.8	18.3	27.1	22.6
Barangan pengantara	3.7	2.4	-1.4	-0.2	-3.1
Barangan penggunaan	26.4	25.2	20.4	10.7	11.4
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**30.6**	**32.2**	**29.8**	**21.3**	**17.2**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2011		2012			2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-3.6**	**-3.5**	**5.5**	**3.8**	**8.3**	**8.3**	**8.0**	**8.3**	**8.6**	**9.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**6.3**	**3.9**	**-10.4**	**-8.9**	**-19.2**	**10.3**	**10.2**	**9.1**	**9.0**	**8.5**
Negara ASEAN terpilih[1]	**10.1**	**5.6**	**9.3**	**10.3**	**10.6**	**23.8**	**24.3**	**25.8**	**26.2**	**26.7**
Timur Laut Asia	**15.1**	**9.4**	**-3.1**	**0.5**	**-7.6**	**25.4**	**24.2**	**22.9**	**24.1**	**23.8**
Republik Rakyat China	*27.4*	*15.4*	*-3.4*	*9.2*	*-11.6*	*14.2*	*13.0*	*11.9*	*13.2*	*12.7*
Hong Kong SAR	*-2.2*	*-7.3*	*-8.1*	*-3.2*	*0.2*	*4.5*	*4.2*	*4.0*	*4.4*	*4.6*
China Taipei	*5.6*	*13.1*	*-6.0*	*-7.5*	*-1.6*	*3.2*	*3.4*	*3.0*	*3.1*	*3.2*
Korea	*6.2*	*8.5*	*5.8*	*-15.2*	*-6.7*	*3.5*	*3.6*	*4.0*	*3.4*	*3.3*
Asia Barat	**11.9**	**6.5**	**-4.8**	**-0.9**	**2.5**	**3.4**	**3.5**	**3.4**	**3.6**	**3.6**
India	**36.0**	**33.7**	**-5.1**	**7.6**	**0.7**	**4.3**	**4.0**	**3.6**	**4.2**	**4.3**
Jumlah eksport	**11.7**	**9.8**	**3.9**	**2.8**	**-1.5**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan portfolio berubah arah daripada kedudukan aliran keluar bersih yang kecil kepada aliran masuk bersih sebanyak RM27.6 billion pada suku tersebut (S2 12: -RM5 billon). Berikutan prospek pertumbuhan Malaysia yang menggalakkan dan asas-asas ekonomi yang kukuh, aliran masuk modal semula ke negara ini adalah berikutan langkah pelabur untuk terus mencari pulangan pelaburan lebih tinggi di rantau ini. Selain itu, aliran masuk yang lebih tinggi juga mencerminkan reaksi pasaran terhadap langkah pelonggaran dasar monetari tambahan oleh ekonomi maju. Ekonomi serantau lain juga mencatat aliran masuk portfolio pada suku tersebut.

FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM9.6 bilion (S2 12: +RM6.1 bilion) berikutan pendapatan tertahan syarikat multinasional di Malaysia yang lebih tinggi dan aliran masuk modal ekuiti yang lebih besar. Aliran masuk FDI terus menyeluruh pada suku ketiga, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan pelaburan syarikat dalam sektor *perkilangan* serta *minyak dan gas*.

Pelaburan langsung di luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia juga meningkat kepada RM7.7 bilion pada suku ketiga (S2 12: -RM2.5 bilion). Aliran keluar bersih DIA yang lebih tinggi ini mencerminkan aliran keluar modal ekuiti yang lebih besar dengan terdapatnya peningkatan ketara dalam pendapatan tertahan syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri. DIA disalurkan terutamanya ke dalam sektor *perkhidmatan*, khususnya subsektor *kewangan dan insurans*, *perdagangan borong dan runcit* serta *harta tanah*. Pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri dalam sektor *minyak dan gas* juga agak besar.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM38.1 bilion pada suku ketiga (S2 12: +RM5.9 bilion). Aliran keluar ini disebabkan terutamanya oleh penempatan antara bank oleh institusi perbankan domestik dengan institusi perbankan di luar negeri dalam keadaan mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi. Aliran keluar juga agak besar berikutan pemberian kredit perdagangan yang berterusan. Sektor rasmi mencatat aliran keluar bersih yang kecil disebabkan pembayaran balik pinjaman luar negeri yang berterusan.

Ekoran kedudukan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan di tengah-tengah keadaan lebihan akaun semasa yang lebih rendah, imbangan pembayaran keseluruhan berubah arah untuk mencatat defisit sebanyak RM7.5 bilion pada S3 2012 (S2 12: +RM12.7 bilion). Kesilapan dan ketinggalan pada suku ketiga berjumlah -RM8.3 bilion dan sebahagian besarnya mencerminkan penurunan nilai rizab luar negeri yang disebabkan penilaian semula pertukaran asing berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama.

Hutang luar negeri lebih rendah

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM257.8 bilion pada akhir bulan September 2012 (akhir bulan Jun 2012: RM269.3 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 28.4% daripada PNK dan mencakupi hanya 11.8% daripada jumlah hutang[2].

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang adalah lebih rendah pada RM156.9 bilion (akhir bulan Jun 2012: RM159.2 bilion), memandangkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku ketiga telah lebih daripada mengimbangi ambilan bersih peminjaman luar negeri, khususnya oleh sektor swasta. Pada akhir bulan September 2012, jumlah hutang luar negeri jangka pendek juga lebih rendah pada RM100.9 bilion disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih peminjaman antara bank.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2011	2012	
	akhir Sep	akhir Jun	akhir Sep[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	157.8	159.2	156.9
Sektor awam	88.5	87.3	84.8
Sektor swasta	69.3	71.9	72.1
Hutang jangka pendek[1]	105.5	110.1	100.9
Jumlah hutang luar negeri	**263.3**	**269.3**	**257.8**
bersamaan USD bilion	81.8	83.5	83.3
Hutang luar negeri/PNK (%)	30.6	29.7	28.4
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.0	3.9	4.2[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2012
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah sebanyak RM421.3 bilion (bersamaan dengan USD137.5 bilion) pada 28 September 2012. Paras rizab ini telah mengambil kira pengurangan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku ketiga. Pada 31 Oktober 2012, rizab berjumlah sebanyak RM423.9 bilion (bersamaan dengan USD138.3 bilion), yang memadai untuk membiayai 9.3 bulan import tertangguh dan ialah 4.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Jumlah hutang merangkumi hutang dalam dan luar negeri. Hutang dalam negeri terdiri daripada pinjaman oleh sistem perbankan, sekuriti hutang swasta dan hutang Kerajaan Persekutuan

Pertumbuhan hasil yang stabil menyokong perbelanjaan Kerajaan

Pada suku ketiga, hasil Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM52.1bilion (S2 12: RM50.7 bilion), disokong oleh kutipan cukai pendapatan. Hasil yang lebih tinggi ini mencukupi untuk menampung kenaikan sederhana dalam perbelanjaan mengurus yang didorong oleh pembayaran emolumen yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan sebanyak RM10.9 bilion (S2 12: RM10.3 bilion) disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan dan kemudahan awam. Perbelanjaan keseluruhan Kerajaan adalah sebanyak RM60.9 bilion (S2 12: RM58.5 bilion) lantas menghasilkan defisit sebanyak RM8.8 bilion (-3.7% daripada KDNK) pada suku ketiga (S2 12: RM7.8 bilion, -3.3% daripada KDNK). Defisit ini dibiayai oleh peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan September 2012, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM484.6 bilion atau 51.8% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2012.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2011		2012[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	48.3	47.7	47.9	50.7	52.1
% pertumbuhan tahunan	*12.1*	*4.0*	*20.4*	*2.2*	*7.8*
Perbelanjaan mengurus	48.8	54.5	45.6	48.2	50.1
% pertumbuhan tahunan	*26.6*	*23.6*	*18.0*	*18.8*	*2.5*
Akaun semasa	**-0.5**	**-6.9**	**2.3**	**2.5**	**2.0**
% daripada KDNK	***-0.2***	***-3.0***	***1.0***	***1.1***	***0.9***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.6	19.1	8.5	10.3	10.9
% pertumbuhan tahunan	*0.3*	*-8.4*	*32.3*	*24.0*	*-13.0*
Imbangan keseluruhan	**-12.8**	**-25.4**	**-5.8**	**-7.8**	**-8.8**
% daripada KDNK	***-5.7***	***-11.1***	***-2.6***	***-3.3***	***-3.7***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	61.1	73.0	53.7	58.5	60.9
% pertumbuhan tahunan	*20.0*	*14.1*	*19.4*	*19.9*	*-0.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	440.8	456.1	470.8	476.7	484.6
% daripada KDNK	*50.0*	*51.8*	*50.3*	*50.9*	*51.8*
Hutang dalam negeri	422.8	438.0	453.9	458.8	467.4
% daripada KDNK	*48.0*	*49.7*	*48.5*	*49.0*	*49.9*
Hutang luar negeri	18.1	18.1	16.9	17.9	17.3
% daripada KDNK	*2.1*	*2.1*	*1.8*	*1.9*	*1.8*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2012. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata stabil pada suku ketiga dan bergerak dalam julat antara 2.91% hingga 3.00% antara 2 Julai hingga 28 September 2012. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offer Rate, KLIBOR) secara relatif kekal stabil pada suku ketiga. Ini mencerminkan jangkaan berterusan oleh peserta pasaran bahawa OPR kekal tidak berubah.

Kadar deposit runcit stabil pada suku ketiga. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan September 2012, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing antara 2.91% hingga 3.16%.

Kos peminjaman juga secara relatif stabil pada tempoh tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga kekal stabil pada 5.55% pada akhir bulan September 2012 (akhir bulan Jun 2012: 5.60%). Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah kekal di bawah paras sebelum krisis kewangan dan menyokong aktiviti ekonomi.

Purata Wajaran Harian Bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Source: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2011	2012	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.99	2.99	2.99
1 bulan	3.09	3.06	3.08
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.54	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.70	5.60	5.55
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.95	2.90	2.91
12 bulan	3.22	3.19	3.16

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**28.2**	**53.7**	**38.7**	**26.7**	**29.0**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan[2]	10.4	7.6	2.1	-1.2	0.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	20.2	35.7	23.1	53.3	26.9
Pinjaman	*22.6*	*33.4*	*18.4*	*48.9*	*19.0*
Sekuriti	*-2.4*	*2.2*	*4.7*	*4.4*	*7.9*
Aset asing bersih[1]	-6.1	7.5	17.2	-8.2	21.7
BNM	*2.0*	*11.2*	*0.4*	*4.9*	*0.6*
Sistem Perbankan	*-8.1*	*-3.8*	*16.8*	*-13.1*	*21.1*
Pengaruh lain[2]	3.8	3.0	-3.7	-17.2	-20.4

[1] Sebelum penilaian semula
[2] Bagi tempoh Dis 2011 - Ogos 2012, data bagi tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan pengaruh lain telah disemak kerana terdapat kesilapan pengumpulan data.

Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga 2012. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM8.6 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.3% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2012: 9.9%). Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM27.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 12.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2012: 12.8%).

Peningkatan M3 mencerminkan faktor dalam negeri dan luar negeri. Dari aspek dalam negeri, M3 berkembang ekoran pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta, sejajar dengan kadar aktiviti ekonomi sektor swasta yang mampan, serta perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi. Dari aspek luar negeri, impak pengembangan ke atas M3 adalah disebabkan aliran masuk modal bersih yang lebih tinggi.

Pada suku ketiga, mudah tunai sistem perbankan daripada aliran masuk modal yang lebih tinggi telah melalui proses pensterilan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) terutamanya menerusi terbitan sekuriti hutang Bank.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta mampan

Pada suku ketiga, keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal ialah RM272.9 bilion (S2 12: RM275.0 bilion). Pembiayaan yang mampan ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi pada suku ketiga. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.8% pada akhir bulan September (S2 12: 13.0%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor perniagaan, walaupun pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan menjadi sederhana sedikit disebabkan pembayaran balik yang besar pada suku itu, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan kekal tinggi. Kebanyakan daripada pinjaman ini disalurkan terutamanya kepada sektor *pembinaan; borong dan runcit, restoran dan hotel; pertanian* serta *bekalan elektrik, gas dan air*. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pembiayaan baharu daripada sektor perniagaan merosot sedikit disebabkan tiada permohonan pinjaman yang luar biasa besar seperti yang direkodkan dari bulan Mac hingga Jun. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 13.5% pada akhir bulan September (S2 12: 14.2%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus berkembang pada kadar yang stabil pada suku ketiga lantas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 11.9% pada akhir bulan September (S2 12: 11.8%). Permintaan isi rumah terhadap pembiayaan kekal kukuh pada suku ketiga, dengan permohonan pinjaman terus diterima untuk pembelian *harta kediaman, kereta penumpang* dan *sekuriti*.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2011		2012			2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**223.9**	**240.6**	**259.9**	**275.0**	**272.9**	**18.2**	**8.9**	**29.1**	**22.3**	**21.9**
Pengeluaran pinjaman*	202.1	219.7	216.7	243.4	233.3	14.8	16.3	14.9	21.2	15.4
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	18.0	17.1	41.9	19.6	31.8	61.1	-2.1	260.6	-3.2	76.4
Ekuiti	3.8	3.8	1.3	12.0	7.9	79.3	-73.9	19.8	214.2	106.1
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**31.4**	**32.1**	**45.8**	**54.3**	**33.3**	**13.4**	**12.5**	**13.3**	**13.0**	**12.8**
Sistem perbankan	25.9	31.7	25.0	48.8	28.6	13.1	12.9	12.5	13.0	12.9
Pinjaman terkumpul (A)	*24.6*	*31.2*	*19.7*	*44.1*	*20.9*	*13.8*	*13.6*	*12.2*	*12.6*	*11.9*
Pemegangan PDS	*1.3*	*0.5*	*5.3*	*4.8*	*7.7*	*3.4*	*3.6*	*17.3*	*18.6*	*28.3*
PDS terkumpul (B)	6.8	0.8	26.1	10.2	12.4	11.9	9.3	16.5	14.0	15.5
Memoranda										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	19.1	17.4	44.8	20.6	32.6	32.4	-5.2	266.5	-1.4	71.0

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2011		2012			2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	184.9	192.3	195.4	220.1	180.0	4.9	10.9	16.0	10.2	-2.6
Kelulusan pinjaman	98.6	104.0	89.8	111.3	94.1	8.1	13.4	2.4	1.1	-4.5
Pengeluaran pinjaman	202.1	219.7	216.7	243.4	233.3	14.8	16.3	14.9	21.2	15.4
Bayaran balik pinjaman	188.2	195.5	205.4	210.6	224.0	13.9	16.5	22.2	21.2	19.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	24.6	31.2	19.7	44.1	20.9	13.8	13.6	12.2	12.6	11.9
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	86.0	95.7	105.3	115.2	81.4	1.5	16.6	32.3	19.2	-5.3
Kelulusan pinjaman	46.5	52.5	45.3	57.9	41.5	6.3	20.8	16.5	4.3	-10.7
Pengeluaran pinjaman	135.9	150.8	152.5	178.6	163.3	16.6	21.1	24.9	32.5	20.2
Bayaran balik pinjaman	130.2	137.8	145.8	152.9	161.9	14.6	21.9	32.8	30.8	24.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	8.7	13.2	3.5	25.1	7.6	14.1	13.5	10.8	14.2	13.5
PKS**										
Permohonan pinjaman	40.2	40.8	54.2	44.4	37.6	25.7	19.3	43.7	-0.8	-6.3
Kelulusan pinjaman	18.9	15.9	16.4	26.4	18.4	28.5	10.8	-0.4	37.6	-2.3
Pengeluaran pinjaman	47.0	48.5	47.3	57.9	55.4	33.4	21.9	13.7	35.5	17.8
Bayaran balik pinjaman	41.9	43.9	46.0	46.8	51.6	23.6	17.2	23.4	27.9	23.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.7	8.2	4.8	11.8	4.7	16.1	19.3	19.9	21.9	20.3
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	45.8	54.9	51.1	70.8	43.8	-13.2	14.6	22.1	36.4	-4.4
Kelulusan pinjaman	27.6	36.6	28.9	31.5	23.0	-5.0	25.8	28.9	-13.3	-16.4
Pengeluaran pinjaman	88.8	102.3	105.1	120.7	107.9	9.3	20.7	30.7	31.2	21.4
Bayaran balik pinjaman	88.3	94.0	99.9	106.1	110.3	10.8	24.3	37.6	32.2	24.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.0	5.0	-1.3	13.3	2.9	12.8	9.8	5.1	9.3	9.1
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	98.9	96.7	90.2	104.9	98.6	8.0	5.8	1.4	1.9	-0.2
Kelulusan pinjaman	52.1	51.5	44.5	53.4	52.6	9.8	6.7	-8.8	-2.1	1.0
Pengeluaran pinjaman	66.2	68.9	64.2	64.8	70.0	11.1	7.1	-3.5	-2.0	5.7
Bayaran balik pinjaman	58.0	57.7	59.5	57.7	62.1	12.4	5.2	2.1	1.4	7.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	15.2	17.8	11.9	16.7	17.2	12.5	12.9	11.9	11.8	11.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM28.7 bilion pada suku ketiga (S2 12: RM27.6 bilion). Seperti pada suku sebelumnya, sebahagian besar dana yang diperoleh sektor swasta adalah khususnya daripada terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Terbitan PDS baharu meningkat kepada RM32.6 bilion (S2 12: RM20.6 bilion). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula dan pembiayaan modal kerja, perbelanjaan korporat am dan perbelanjaan mengurus. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti kekal menggalakkan pada RM7.9 bilion (S2 12: RM12.0 bilion) dengan sebahagian besar daripadanya diperoleh menerusi tawaran awam awal. Selepas pelarasan untuk penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM18.3 bilion (S2 12: RM22.5 bilion).

Dana bersih yang diperoleh sektor awam juga meningkat kepada RM10.4 bilion (S2 12: RM5.0 bilion). Dana diperoleh menerusi terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 7.5 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3.5 tahun, pembukaan semula MGS 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun serta pembukaan semula GII 5 tahun dan 10 tahun. Selain itu, dana juga diperoleh menerusi terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan berjumlah RM2.6 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2011		2012		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**1.6**	**15.9**	**13.7**	**5.0**	**10.4**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	1.6	15.9	15.6	9.6	7.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*14.0*	*12.9*	*12.8*	*16.1*	*14.2*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*10.8*	*6.1*	*12.0*	*11.1*	*11.1*
Tolak: Penebusan	*23.2*	*3.1*	9.2	17.6	17.5
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.0)	(0.0)	(1.9)	(4.6)	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*					*2.6*
Oleh Sektor Swasta	**11.1**	**3.5**	**29.8**	**22.5**	**18.3**
Saham	3.8	3.8	1.3	12.0	7.9
Sekuriti hutang, *bersih*	7.3	(0.3)	28.5	10.5	10.3
Sekuriti Hutang Swasta	*19.1*	*17.4*	*44.8*	*20.6*	*32.6*
Tolak: Penebusan	*11.8*	*17.7*	*16.3*	*10.1*	*22.3*
Jumlah	**12.7**	**19.4**	**43.5**	**27.6**	**28.7**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S3 11	S4 11	S1 12	S2 12	S3 12		
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**135.9**	**150.8**	**152.5**	**178.6**	**163.3**	**70.0**	**45.0**
Syarikat besar	*88.8*	*102.3*	*105.1*	*120.7*	*107.9*	*46.2*	*29.0*
*PKS**	*47.0*	*48.5*	*47.3*	*57.9*	*55.4*	*23.8*	*16.0*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.3	6.1	5.7	8.1	7.1	3.0	2.5
Perlombongan dan kuari	1.6	1.3	1.4	2.8	1.7	0.7	0.6
Perkilangan	44.9	47.4	46.3	55.4	53.1	22.8	8.9
Pembinaan	10.8	14.0	11.9	11.9	16.1	6.9	4.2
Harta tanah	8.9	9.6	8.0	15.5	7.8	3.4	5.5
Bekalan elektrik, gas dan air	1.6	1.4	1.7	2.1	2.2	0.9	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	37.2	38.0	44.1	45.6	42.7	18.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.6	6.4	4.6	4.9	4.5	1.9	2.7
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	13.0	16.4	21.5	24.4	20.7	8.9	7.0
Isi rumah	**66.2**	**68.9**	**64.2**	**64.8**	**70.0**	**30.0**	**55.0**
Pembelian harta kediaman	16.8	17.0	16.4	15.0	16.3	7.0	25.7
Kredit penggunaan	40.3	41.6	37.1	40.0	42.7	18.3	19.1
Antaranya:							
Kad kredit	*22.7*	*23.6*	*21.4*	*21.5*	*23.0*	9.9	2.9
Pembelian kereta penumpang	*8.8*	*9.3*	*8.6*	*10.2*	*10.8*	*4.6*	*11.3*
Lain-lain	9.1	10.3	10.7	9.7	11.0	*4.7*	*10.2*
Jumlah	**202.1**	**219.7**	**216.7**	**243.4**	**233.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil MGS meningkat

Dari bulan Julai hingga pertengahan bulan Ogos, kadar hasil MGS menurun lantas meneruskan trend suku kedua, mencerminkan jangkaan bahawa keadaan monetari dalam negeri akan kekal akomodatif. Penurunan dalam kadar hasil juga didorong permintaan yang terus diterima daripada bukan pemastautin. Trend ini bertukar arah pada enam minggu terakhir suku ketiga. Kadar hasil MGS meningkat ekoran lelongan besar bon Kerajaan pada bulan Ogos dan September. Secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 7, 11 dan 4 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat menurun sedikit. Kadar hasil bagi kertas penarafan AAA, AA dan A 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 4, 5 dan 3 mata asas berbanding dengan suku kedua.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun sedikit kepada RM248 bilion pada suku ketiga (S2 12: RM252 bilion). Penurunan urus niaga adalah terutamanya dalam urus niaga MGS. MGS mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah pada 0.49, manakala GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi pada 0.45 dan 0.12.

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI mencatat prestasi positif

Pada suku ketiga, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat sebanyak 37.5 mata, untuk ditutup pada 1,636.7 mata (akhir bulan Jun 2012: 1,599.2). Pada bulan Julai dan Ogos, terdapat jangkaan bahawa langkah rangsangan selanjutnya yang akan dilaksanakan dalam ekonomi-ekonomi maju telah menyumbang kepada sentimen pasaran yang positif dan mengekalkan trend menaik indeks di Malaysia dan rantau ini. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan indeks secara berselang-selang (intermittent declines) ekoran kebimbangan yang meningkat terhadap krisis hutang kerajaan Eropah yang sedang berlaku. Pada bulan September, indeks mencatat pergerakan naik turun yang lebih besar dan lebih kerap. Walaupun kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global dan aktiviti pengambilan untung telah mengakibatkan pergerakan menurun yang ketara, pengumuman mengenai lanjutan pelonggaran dasar monetari oleh US Federal Reserve telah menaikkan sentimen pelabur terhadap pasaran. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.42 trilion pada akhir bulan September 2012 (akhir bulan Jun 2012: RM1.37 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun sedikit kepada 1.20 bilion unit (S2 12: 1.21 bilion unit) pada suku ketiga. Kepentingan terbuka dalam pasaran hadapan FBM KLCI menurun kepada 24,896 kontrak pada akhir S3 2012 (S2 12: 32,173).

Pada 12 November 2012, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,637.59 mata (sejak akhir bulan September 2012: 0.06%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.44 trilion (sejak akhir bulan September 2012: 1.61%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2012 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2011		2012		
	Pada akhir				
	Sept	Dis	Mac	Jun	Sept
Indeks harga					
Komposit	1,387.1	1,530.7	1,596.3	1,599.2	1,636.7
FBMEMAS[1]	9,397.6	10,489.1	10,939.6	10,917.6	11,106.6
Pasaran ACE[2]	3,598.0	4,068.6	4,583.8	4,354.7	4,304.7
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,172.3	1,284.5	1,355.4	1,367.9	1,417.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	952	941	939	927	931
	Pada tempoh suku				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,018.9	1,615.5	2,019.9	1,205.8	1,197.8
Nilai (RM juta)	1,887.4	1,411.7	1,977.8	1,517.1	1,683.8

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2011				2012					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	63.2	117.0	98.5	86.1	119.2	116.4	76.0	95.6	73.1	102.7
Antaranya:										
Papan Utama	47.4	114.4	68.3	81.6	75.6	109.5	48.7	91.1	49.1	98.7
Antaranya										
Produk Pengguna	2.9	4.9	8.1	6.0	9.4	7.8	4.2	6.4	4.5	5.5
Produk Industri	7.9	12.9	14.6	10.7	13.3	16.7	10.7	10.1	10.0	8.9
Pembinaan	3.3	6.1	2.7	4.1	2.8	4.9	1.5	2.8	1.9	3.4
Dagangan/Khidmat	15.7	42.6	20.1	28.2	29.4	39.9	19.5	37.6	18.6	42.0
Kewangan	5.7	31.1	6.0	15.5	4.0	19.8	3.2	17.4	3.6	20.2
Harta Benda	6.8	7.8	8.4	6.7	7.8	6.5	4.0	3.6	4.1	5.0
Perladangan	1.9	5.6	2.0	4.9	1.7	5.8	1.5	7.1	1.8	7.8
Infrastruktur	0.9	2.2	1.3	2.6	2.0	3.4	1.5	3.3	0.9	3.1
Pasaran ACE[1]	9.8	1.5	18.7	2.7	27.7	4.3	19.8	3.2	18.5	3.3

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau dan kebanyakan mata wang utama

Pada suku ketiga, ringgit menambah nilai sebanyak 4.0% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan oleh sentimen pelabur yang menggalakkan terhadap Malaysia dan ekonomi serantau ekoran pelaksanaan pelonggaran monetari selanjutnya dalam ekonomi-ekonomi maju serta jangkaan terhadap kemajuan dalam penyelesaian krisis hutang kerajaan di Eropah. Di dalam negeri, data ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan pada suku kedua meningkatkan minat pelabur terhadap aset kewangan Malaysia. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.7%) dan euro (1.2%), tetapi kekal tidak berubah berbanding dengan paun sterling. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 0.1% dan 5.1%.

Antara 1 Oktober hingga 12 November 2012, ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar AS (0.1%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.6%), paun sterling (2.3%) dan euro (1.7%). Di rantau ini, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (-2.2%), peso Filipina (-1.5%), renminbi China (-0.9%) dan baht Thailand (-0.5%). Ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar Singapura (-0.1%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Julai - 28 September 2012)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 11	S2 12	S3 12	21 Jul 05	S3 11	S2 12
Dolar AS	3.8000	3.1910	3.1895	3.0660	23.9	4.1	4.0
Euro	4.6212	4.3160	4.0133	3.9639	16.6	8.9	1.2
Paun sterling	6.6270	4.9738	4.9804	4.9829	33.0	-0.2	0.0
100 yen Jepun	3.3745	4.1663	4.0198	3.9536	-14.6	5.4	1.7
Dolar Singapura	2.2570	2.4537	2.5043	2.5018	-9.8	-1.9	0.1
100 baht Thailand	9.0681	10.236	10.030	9.9481	-8.8	2.9	0.8
100 peso Filipina	6.8131	7.2746	7.5447	7.3402	-7.2	-0.9	2.8
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0362	0.0336	0.0320	20.7	13.2	5.1
100 won Korea	0.3665	0.2703	0.2775	0.2754	33.1	-1.8	0.7
Renminbi China	0.4591	0.4988	0.5018	0.4871	-5.7	2.4	3.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pasaran dalam derivatif pertukaran asing meningkat

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat sebanyak 13.2% pada suku ketiga. Peningkatan ini terutamanya didorong oleh aktiviti dalam pasaran swap pertukaran asing, yang berkembang hampir 20% daripada jumlah yang dicatat pada suku kedua, apabila bank tempatan terus menguruskan aliran mudah tunai dolar AS yang berlebihan dalam sistem perbankan. Pengimport juga menunjukkan minat yang tinggi untuk melindung nilai mata wang asing mereka melalui jualan hadapan dolar AS apabila dolar AS menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang asing lain disamping paras kadar pertukaran asing yang lebih berdaya saing.

Kos memperoleh dolar AS daripada urus niaga swap mata wang bersilang juga telah menurun dengan ketara, dengan swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun menurun daripada 153 mata asas pada bulan Julai kepada 115 mata asas pada bulan September. Faktor utama penurunan ini disebabkan oleh peningkatan mudah tunai dolar AS ekoran pelonggaran monetari yang berterusan oleh ekonomi maju.

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus teguh

Kestabilan kewangan domestik secara keseluruhan telah terpelihara sepanjang suku ketiga, disokong oleh penampan kewangan yang kukuh pada peringkat sistem dan institusi. Pasaran kewangan terus berada dalam keadaan yang teratur hasil daripada pengantaraan aliran portfolio yang turun naik dengan baik oleh pasaran. Keyakinan dalam sistem kewangan terus teguh pada suku ketiga apabila pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik.

Persekitaran operasi yang stabil pada suku ketiga memberikan sokongan yang baik kepada dedahan kredit institusi kewangan. Kualiti portfolio pembiayaan bank bertambah baik dengan nisbah pinjaman terjejas bersih pada 1.4% (S2 12: 1.5%), manakala pinjaman tertunggak stabil pada 3.5% daripada jumlah pinjaman (S2 12: 3.4%). Jumlah caj modal oleh penanggung insurans bagi risiko kredit stabil pada 3.4% daripada jumlah modal penanggung insurans.

Pertumbuhan hutang isi rumah meningkat sebanyak 3.2% (S2 12: 2.9%) terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pembiayaan untuk pembelian harta kediaman (3.2%: S2 12: 2.9%). Hutang terkumpul oleh isi rumah terus disokong oleh pengembangan aset kewangan yang setara sebanyak 3.2% (S2 12: 2.5%). Hasilnya, penampan kewangan isi rumah kekal teguh pada paras agregat dengan aset kewangan isi rumah mencakupi 2.3 kali hutang isi rumah. Paras pinjaman terjejas kekal tidak berubah pada 1.6% daripada pinjaman isi rumah manakala tunggakan antara satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan mencakupi 2.7% daripada pinjaman isi rumah, menunjukkan keupayaan isi rumah untuk terus memenuhi tanggungan hutang mereka. Secara keseluruhan, hutang kepada KDNK isi rumah ialah sebanyak 76.7% pada akhir bulan September 2012 (S2 12: 75.4%).

Pertumbuhan kredit kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.9% pada suku ketiga selepas mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 6.6% pada suku sebelumnya. Nisbah pinjaman terjejas terus rendah dan kekal sebanyak 3.1% daripada pinjaman perniagaan dengan keupayaan khidmat bayar balik hutang yang lebih baik oleh perniagaan seperti yang dicerminkan oleh nisbah perlindungan faedah yang lebih tinggi (S2 12: 6%; S1 12: 5.1%).

Prospek bagi risiko kredit kekal kukuh, disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap, keupayaan khidmat bayar balik hutang yang mampan oleh peminjam, serta amalan pengurusan risiko berhemat yang terus dilaksanakan oleh institusi kewangan. Penampan kewangan isi rumah yang kukuh dijangka memberikan fleksibiliti yang berterusan kepada isi rumah untuk membuat penyesuaian terhadap sebarang perubahan dalam paras pendapatan. Kedudukan kewangan perniagaan yang teguh, yang disokong oleh paras penggearan yang rendah dan kedudukan aliran tunai yang kukuh, dijangka akan memberikan sokongan yang mantap kepada perniagaan untuk mengurus dengan baik sebarang perkembangan yang menjejaskan persekitaran perniagaan dan operasi. Ini juga disokong oleh penambahbaikan dalam paras kebarangkalian jangkaan mungkir kepada 0.51% (S2 12: 0.58%).

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan institusi kewangan terhadap risiko pasaran kekal sederhana. Ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti domestik terus berkurang kepada 7.3% (S2 12: 7.9%) pada suku ketiga, disokong oleh sentimen pasaran tempatan yang positif dalam keadaan aliran masuk portfolio yang kembali pulih. Mudah tunai dagangan dalam pasaran ekuiti kekal teratur dengan nisbah pusing ganti kekal stabil pada 1.9 (S2 12: 2.0), seiring dengan kesanggupan mengambil risiko yang kekal. Meskipun kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah lebih tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti mengimbangi semula portfolio kepada ekuiti, namun mudah tunai dagangan kekal mapan seperti yang ditunjukkan oleh nisbah pusing ganti dan spread bida-tawar (bid-ask spread) yang stabil. Komposisi aset perbendaharaan bank dalam denominasi ringgit dan mata wang asing sebahagian besarnya tidak berubah. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko kadar faedah dan risiko ekuiti masing-masing kekal stabil pada 4.8% dan 0.6% daripada modal asas (S2 12: 4.7%; 0.8%). Kedudukan terbuka bersih bagi dedahan mata wang asing bank kekal pada 6.7% daripada modal asas (S2 12: 6.6%). Risiko kadar faedah dan risiko ekuiti juga terkawal dengan lebih baik bagi sektor insurans, masing-masing menurun kepada 3.2% dan 6.4% (S2 12: 3.3%; 6.7%) daripada jumlah modal tersedia.

Potensi risiko daripada aktiviti penyahleveraj oleh institusi kewangan Eropah kekal rendah. Operasi domestik oleh bank Eropah yang diperbadankan di Malaysia tidak menunjukkan pengecilan dalam operasi. Bahagian pasaran bagi aset, pinjaman dan deposit entiti ini kekal stabil dan terus disokong oleh prestasi operasi dan pulangan yang kukuh. Dedahan kredit langsung institusi kewangan Malaysia terhadap rakan niaga Eropah adalah terhad, mencakupi kurang 8% daripada modal asas bagi bank dan 0.3% daripada modal tersedia bagi penanggung insurans. Di samping itu, operasi bank Malaysia terus disokong terutamanya oleh sumber pendanaan domestik.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan dalam persekitaran yang mencabar

Keupayaan sektor kewangan domestik untuk menghadapi potensi kejutan ekonomi dan kewangan terus disokong oleh permodalan yang kukuh. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko kekal kukuh, masing-masing pada 13% (S2 12: 13.4%) dan 14.8% (S2 12: 15.1%). Penampan modal bank (iaitu modal yang melebihi tahap keperluan minimum kawal selia sebanyak 8%) berjumlah lebih daripada RM70 bilion. Bank terus mengekalkan modal berkualiti tinggi, selaras dengan kehendak di bawah persekitaran Basel III, dengan kira-kira 88.2% merupakan modal Kumpulan 1, yang terdiri terutamanya daripada modal berbayar, premium saham dan rizab. Sektor insurans juga mencatat nisbah kecukupan modal yang kukuh sebanyak 218.6% (S2 12: 216.7%) dan penampan modal yang melebihi RM20 bilion.

Keberuntungan sistem perbankan dikekalkan dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing sebanyak 1.6% (S2 12: 1.6%) dan 17.7% (S2 12: 17.7%). Keuntungan sebelum cukai bagi suku ketiga meningkat kepada RM7.4 bilion (S2 12: RM6.8 bilion) terutamanya disebabkan oleh hasil yang lebih tinggi daripada pertumbuhan yang berterusan dalam aktiviti pembiayaan dan

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

kos overhed yang lebih rendah. Pendapatan bersih perdagangan dan pelaburan meningkat sebanyak 9.1% (S2 12: -37.1%) dalam keadaan sentimen pasaran yang pada umumnya lebih baik.

Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih tinggi sebanyak RM5.2 bilion (S2 12: RM4.1 bilion) disebabkan oleh keuntungan modal luar biasa daripada pelaburan realisasi oleh satu penanggung insurans. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan adalah lebih rendah pada RM3.7 bilion pada suku ketiga, jika keuntungan yang luar biasa ini dikecualikan. Sektor insurans am dan takaful mencatat keberuntungan yang lebih rendah dengan keuntungan pengunderaitan dan kendalian masing-masing sebanyak RM359.7 juta dan RM688.4 juta (S2 12: masing-masing RM398.6 juta; RM703.0 juta). Ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan premium kasar yang lebih rendah daripada perniagaan marin, udara dan transit. Nisbah tuntutan bagi perlindungan "Akta" untuk Motor (perlindungan insurans mandatori yang dikehendaki di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987) terus memberikan kesan kepada keputusan pengunderaitan, dan kekal tinggi pada 242.2% (S2 12: 241.6%).

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Daya tahan sektor perbankan terus diperkukuh oleh ketersediaan mudah tunai lebih daripada mencukupi yang berterusan untuk memenuhi permintaan bagi pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain. Penampan mudah tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh 1 bulan meningkat kepada 17% daripada jumlah deposit (S2 12: 14.9%). Kedudukan ketakpadanan mudah tunai mata wang asing bank kekal terurus sejajar dengan pelonggaran selanjutnya dalam syarat mudah tunai dolar AS di dalam negeri. Bank mengekalkan kedudukan ketakpadanan positif dalam kelompok kurang satu minggu, manakala kedudukan ketakpadanan negatif dalam kelompok kurang satu bulan bertambah baik kepada kurangan sebanyak RM4.1 bilion daripada kurangan sebanyak RM7.9 bilion pada suku kedua, yang mencakupi 2.3% daripada asas modal (S2 12: 4.4%).

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2011		2012			
	S2	S3	S1	S2	S3	S3
	RM juta					Perubahan tahunan (%)
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan	3,780.0	1,315.0	3,912.9	4,115.7	5,240.7	298.5
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan kendalian	557.2	441.7	652.6	703.0	688.4	55.9
Nisbah tuntutan (%)	61.4	62.5	60.6	59.1	58.7	-3.8 (mata peratusan)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Simposium Ekonomi 2012: Sidang Panel Mengenai "Perspektif Dasar Global" Amerika Syarikat, 1 September 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana diberikan peluang untuk berucap pada sesi penutup sidang panel Simposium Ekonomi tahun ini, bagi membicarakan tentang perspektif dasar global di Jackson Hole. Ucapan saya akan berkisar pada dasar global dari perspektif seorang penggubal dasar dari sebuah ekonomi sedang pesat membangun, untuk membincangkan tentang perubahan dalam perkembangan terkini dasar global, kesan limpahan dasar global khususnya dalam ekonomi sedang pesat membangun, dan keutamaan dasar negara sedang pesat membangun di Asia dalam persekitaran ini.

Landskap ekonomi dan kewangan global telah melalui perubahan yang amat pesat sejak dua dekad kebelakangan ini. Namun motivasi dan kemajuan yang mendasari proses penggubalan dasar tidak mencerminkan perubahan ini. Perbezaan antara dasar dengan landskap baharu ini telah menjadi semakin ketara sejak krisis kewangan global pada tahun 2008. Lantaran itu, penggubal dasar telah menghadapi cabaran untuk menangani peningkatan risiko dan ketidakseimbangan sebelum krisis, menyekat dan membendung krisis sebaik sahaja berlaku, dan seterusnya menguruskan kesan selepas krisis.

Pada peringkat negara, perubahan ini adalah nyata. Perubahan yang sebahagian besarnya didorong oleh inovasi dan kemajuan dalam teknologi kini telah menghasilkan sistem kewangan yang lebih kompleks dan lebih saling berhubung-kait dengan kegiatan kewangan yang telah tersebar luas melangkaui pengantara kewangan tradisional. Lebih ketara lagi ialah perubahan asas yang berkaitan dengan globalisasi kewangan, yang telah menyebabkan dunia lebih saling berhubung dan saling bergantung.Sejak bermulanya krisis ini, tindak balas dasar pada peringkat negara telah dilaksanakan dengan menyeluruh dan pada skala yang tidak pernah dilakukan sebelum ini. Ini bertujuan untuk memulihkan operasi sistem kewangan dan untuk mengelakkan kemerosotan yang ketara dalam kegiatan ekonomi. Dasar monetari dilonggarkan dengan ketara, apabila kadar faedah diturunkan dengan cepat ke paras paling rendah. Pengembangan fiskal secara kumulatif pada tempoh 2007-2009 berjumlah hampir mencecah purata empat peratus daripada KDNK. Sementara itu, keutamaan dasar sektor kewangan adalah untuk menstabilkan pasaran kewangan dan memulihkan aliran kredit.

Meskipun kemelesetan ekonomi telah dapat dielakkan, dasar monetari yang akomodatif telah diteruskan dengan intervensi secara meluas dalam pasaran kewangan untuk menyokong pemulihan. Walau bagaimanapun, dasar fiskal beralih ke arah menangani kemampanan fiskal dan keberhutangan awam yang meningkat berikutan rangsangan dan sokongan fiskal yang ketara kepada sektor kewangan. Cabaran yang dihadapi adalah untuk mencapai konsolidasi ini, di samping memastikan bahawa pemulihan ekonomi dan keyakinan pasaran tidak terjejas.

Dari segi reformasi kewangan yang menyeluruh untuk mengatasi kelemahan yang mengakibatkan krisis dan memperkukuh daya tahan sektor kewangan, penekanan telah tertumpu pada usaha mempertingkat pengawalan dan menangani kebimbangan kewangan makro untuk mengelak peningkatan

ketidakseimbangan kewangan. Dasar ini turut disokong oleh pelbagai perubahan dalam rangka kerja perundangan dan struktur keinstitusian.

Satu aspek dasar yang belum diberikan perhatian yang meluas ialah dimensi penggubalan dasar merentas sempadan, meskipun terdapat kesalingbergantungan antara ekonomi yang semakin meningkat. Dunia yang semakin saling berhubung-kait telah dicerminkan oleh kejutan kewangan dan ekonomi yang cepat tersebar ke seluruh ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa pada tahun 2008, dan gangguan rantaian bekalan global yang berpunca dari Jepun pada tahun 2011.

Walaupun berlaku perubahan ini, pengaturan keinstitusian dan tadbir urus bagi kerjasama dan keselarasan dasar masih belum mencapai tahap yang setara dengan tahap integrasi ekonomi dan kewangan global. Meskipun usaha secara bersendirian oleh sesebuah ekonomi adalah penting untuk memastikan bahawa mereka tidak menjadi punca kepada ketidakstabilan negara lain di dunia, namun ini tidak lagi boleh menjamin kestabilan secara kolektif. Ekonomi sedang pesat membangun yang lebih terbuka dan bersepadu dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa adalah yang paling terjejas ekoran perkembangan ini.

Krisis kewangan global dengan jelas menunjukkan kepentingan dimensi antarabangsa dalam penggubalan dasar global. Pada peringkat awal krisis, penurunan kadar dasar yang diselaraskan, peningkatan kemudahan mudah tunai dalam dolar AS oleh beberapa bank pusat utama, dan langkah pengembangan fiskal bersepadu yang belum pernah dilakukan sebelum ini dan bersepadu telah dapat menangani kemelesetan ekonomi global. Penubuhan Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) pada tahun 2009, bersama-sama dengan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee of Banking Supervision), juga telah menjadi tumpuan bagi banyak usaha pembaharuan dalam sektor kewangan global. Meskipun ini merupakan satu langkah yang positif, semua usaha ini masih baharu dan sederhana dalam persekitaran yang perubahan asas telah pun berlaku sejak beberapa lama, serta telah menjadi penting dan meluas.

Cabaran Ekoran Kesan Limpahan Dasar Global

Saya akan beralih pula kepada cabaran-cabaran yang wujud daripada kesan limpahan dasar global, khususnya dalam ekonomi sedang pesat membangun. Dengan ekonomi-ekonomi dunia kini saling bergantung dan kesan penularan merentas sempadan menjadi fenomena yang ketara dalam persekitaran baharu ini, kesan limpahan dasar global tersebut dengan mudah tersebar ke bahagian lain dunia melalui hubungan ekonomi dan kewangan. Walaupun akibat gangguan ekonomi dan kewangan global sememangnya telah menjadi tumpuan perbincangan, namun kesan limpahan dasar global kurang dibincangkan.

Kesan limpahan yang ketara dan berterusan adalah akibat pelbagai dasar yang dilaksanakan dalam ekonomi maju, termasuk pelonggaran monetari yang tidak pernah dilakukan sebelum ini, rangsangan fiskal yang disusuli oleh konsolidasi fiskal, penambahbaikan dan penyelesaian sektor kewangan, inisiatif untuk mengurangkan keberhutangan sektor awam dan swasta, dan kesan daripada pembaharuan pengawalseliaan global.

Persekitaran monetari global yang sangat akomodatif telah menjana mudah tunai global yang lebih tinggi. Walaupun keadaan ini menyumbang kepada pengaliran semula kredit, ini memburukkan lagi aliran masuk modal yang meningkat secara mendadak dalam ekonomi sedang pesat membangun. Aliran masuk ini telah menyebabkan pengukuhan yang ketara dalam mata wang, kenaikan harga aset, pertumbuhan kredit yang lebih kukuh, dan bagi sesetengah ekonomi, pertumbuhan adalah melebihi tahap potensi (overheating).

Namun begitu, aliran masuk ini telah diikuti oleh aliran keluar modal, berikutan aktiviti pembayaran balik hutang terutamanya oleh kumpulan perbankan di negara-negara yang terjejas oleh krisis kewangan. Pembayaran balik hutang oleh kerajaan dan isi rumah, khususnya Amerika Syarikat, juga telah mengukuhkan lagi trend ini. Pengurangan hutang, khususnya oleh bank-bank, telah memberikan kesan pada tahun 2009, berikutan tindakan oleh bank-bank di Amerika Syarikat untuk mengukuhkan kedudukan modal masing-masing, dan yang lebih terkini oleh bank-bank di Eropah untuk memenuhi keperluan kecukupan modal yang baharu. Bagi menghadapi keadaan yang mencabar dalam aktiviti pemerolehan modal, sebahagiannya dapat dicapai melalui usaha mengurangkan aset, sama ada melalui penjualan aset, khususnya dalam ekonomi yang berprestasi baik, atau penarikan balik pinjaman.

Operasi ini bukan sahaja mempunyai implikasi terhadap harga aset tetapi pada pergerakan mata wang, kerana dana daripada penjualan aset dibawa balik ke negara asal. Aliran modal yang bertukar arah berikutan pembayaran balik hutang itu turut disusuli oleh pembetulan dalam harga aset dan susut nilai dalam mata wang. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, mempunyai pasaran kewangan yang lebih maju dan liberal akan memberikan kesan yang lebih ketara daripada aktiviti tersebut, dan tahap turun naik yang lebih besar dalam harga aset dan pergerakan mata wang.

Kesan limpahan dasar global juga telah mempengaruhi ekonomi benar melalui perdagangan dan aliran pelaburan. Ekonomi dunia, termasuk ekonomi sedang pesat membangun, telah mendapat manfaat yang amat besar daripada rangsangan fiskal yang menyokong pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, apabila kemerosotan dalam kemampanan fiskal telah menjadi nyata, kesan daripada pengurangan perbelanjaan awam terhadap pertumbuhan telah menyumbang kepada aktiviti perdagangan dunia dan pelaburan merentas sempadan yang makin perlahan. Sektor eksport dalam ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di Asia, telah mengalami kelembapan yang ketara. Meskipun pelaburan langsung asing terus mengalir ke dalam ekonomi sedang pesat membangun khususnya di Asia, skala aktiviti pelaburan itu juga telah menjadi sederhana.

Pembaharuan pengawalseliaan pada peringkat antarabangsa dan inisiatif sehala dalam beberapa ekonomi maju yang utama juga memberikan kesan yang diingini dan yang tidak diingini. Pembaharuan itu, yang telah memberikan tumpuan pada penghasilan rangka kerja pengawalseliaan global yang lebih kukuh dan peningkatan daya tahan sistem perbankan, masih lagi pada peringkat awal pelaksanaan. Walaupun terlalu awal untuk menyatakan kebimbangan terhadap piawaian kehematan yang baharu tersebut, kebimbangan ini bagaimanapun adalah perlu untuk memastikan bahawa manfaat daripada daya tahan sistemik yang lebih kukuh akan melebihi sebarang kos terhadap proses pengantaraan kewangan dan ekonomi benar berfungsi dengan cekap.

Bagi Asia, piawaian baharu ini menyumbang secara positif kepada integrasi kewangan serantau kerana menggalakkan pendekatan serantau yang lebih konsisten dalam pengawalan. Piawaian ini turut berfungsi untuk mengukuhkan pengaturan kestabilan kewangan serantau, melalui rangka kerja yang lebih mantap untuk pengawasan institusi kewangan yang penting, secara sistematik pada peringkat serantau. Oleh itu, pembaharuan ini telah menggalakkan peningkatan komunikasi dan penyelarasan yang lebih rapi terhadap perkembangan kestabilan kewangan antara para pengawal selia di rantau Asia.

Namun begitu, pembaharuan kewangan ini terus memberikan cabaran kepada ekonomi sedang pesat membangun. Secara khususnya, preskripsi pengawalseliaan yang seragam bertentangan dengan struktur pengawalan yang setara dengan risiko. Inisiatif pengawalseliaan secara bersendirian lain, walaupun tidak perlu dilaksanakan di

luar negara-negara tersebut, juga semakin berpotensi untuk memberikan kesan yang lebih meluas, berikutan operasi merentas sempadan yang nyata oleh institusi terbabit.

Keutamaan Dasar Ekonomi Sedang Pesat Membangun di Asia

Saya akan beralih pula kepada keutamaan dasar ekonomi sedang pesat membangun di Asia. Meskipun kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun adalah kukuh ketika menghadapi krisis kewangan global, penggubal dasar terus menghadapi cabaran persekitaran ekonomi global yang lebih lemah serta kesan limpahan daripada dasar global. Walaupun ekonomi sedang pesat membangun di Asia telah dipengaruhi oleh perkembangan luaran ini, kebanyakannya telah menunjukkan daya tahan masing-masing pada tempoh ini. Saya akan menumpukan ucapan ini pada dasar-dasar yang telah menyumbang kepada daya tahan ini. Pertama, daya tahan ini adalah hasil daripada dasar-dasar yang dilaksanakan serta pembaharuan kewangan dan ekonomi sepanjang tempoh sedekad yang lalu berikutan krisis kewangan Asia. Kedua, terdapatnya instrumen yang telah dipertingkat dan fleksibiliti dasar untuk dilaksanakan dalam persekitaran ini. Ketiga ialah peningkatan kerjasama dan pemuafakatan di Asia dalam bidang pengawasan, penilaian risiko dan kelemahan kepada rantau ini, dan dalam mempertimbangkan pilihan dasar untuk menangani banyak cabaran baharu.

Satu anjakan dasar yang penting berikutan krisis kewangan Asia ialah usaha menyeimbangkan semula ekonomi dan mempelbagai sumber pertumbuhan. Ini telah melibatkan pelbagai dasar dan pembaharuan untuk menggalakkan permintaan dalam negeri, terutamanya dalam aktiviti penggunaan dalam negeri dan pelaburan oleh sektor swasta. Dasar makroekonomi yang akomodatif secara umumnya disokong oleh dasar dan pembaharuan untuk mengukuhkan sistem kewangan bagi memastikan bahawa permintaan dalam negeri disokong oleh sektor kewangan. Dengan peningkatan dalam pendapatan, aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta telah berkembang dengan ketara dan menjadi pemacu utama pertumbuhan di Asia. Secara kumulatif, peningkatan permintaan dalam negeri di rantau ini telah mentransformasikan Asia untuk menjadi pasaran pengguna yang amat luas. Keadaan ini juga telah mendorong perdagangan antara rantau yang lebih besar yang saling memperkukuh pertumbuhan di rantau ini. Daripada diterajui eksport, permintaan dalam negeri kini telah menjadi sumber pertumbuhan yang penting. Lantaran itu, Asia kini telah beralih daripada menjadi pengeluar global kepada pengguna global.

Pelbagai pembaharuan kewangan yang dilaksanakan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun di Asia telah mewujudkan pengantara kewangan yang kukuh dari segi penampan modal dan mudah tunai, serta amalan pengurusan risiko dan tadbir urus yang lebih baik. Ini telah membolehkan proses pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan semasa krisis kewangan global baru-baru ini. Rangka kerja pengawalseliaan yang lebih menyeluruh juga telah dilengkapkan dengan pengaturan pengawasan yang dipertingkat dan pengawasan penyeliaan yang lebih intrusif. Pelbagai instrumen dasar, termasuk dasar kehematan makro, telah diperkenalkan untuk mengurangkan dan menguruskan risiko yang berpunca daripada lebihan dan peningkatan ketidakseimbangan dalam sistem kewangan. Peluang itu juga telah diambil oleh kebanyakan bank pusat di rantau ini untuk mengembalikan kadar faedah pada paras yang wajar sebaik sahaja berlakunya pemulihan. Kadar faedah, walaupun masih akomodatif, telah dinaikkan daripada paras terendahnya. Seterusnya, dengan pasaran kewangan yang lebih maju, kini kejutan lebih tersebar ke seluruh sistem kewangan. Semua ini telah membolehkan sistem kewangan menjadi pengantara aliran modal yang lebih baik dalam persekitaran turun naik aliran modal yang tinggi.

Walaupun begitu, aliran modal yang melonjak dan berubah arah terus menjadi cabaran utama kepada pelaksanaan dasar. Strategi dasar yang khusus juga telah dilaksanakan untuk mengurangkan kemungkinan ketidakstabilan akibat aliran modal ini. Pembaharuan kewangan berikutan krisis kewangan Asia telah menyebabkan sistem kewangan di Asia beralih ke arah sistem yang lebih berorientasikan pasaran dan meningkatkan fleksibiliti kadar pertukaran. Ini telah membantu meningkatkan keupayaan untuk membuat penyesuaian terhadap turun naik yang meningkat dalam sistem kewangan. Kemajuan selanjutnya dalam liberalisasi juga telah meningkatkan potensi dalam menjalankan urus niaga pertukaran asing, termasuk urus niaga dalam portfolio luaran dan pelaburan langsung di luar negara. Ini telah menghasilkan aliran modal dua hala yang lebih terkawal, lantas menyumbang kepada keadaan yang lebih teratur dalam pasaran kewangan.

Langkah-langkah pengurusan mudah tunai, pengawalan berhemat termasuk langkah-langkah kehematan makro, dan langkah-langkah intervensi yang lebih giat termasuk sekatan ke atas aliran seperti ini juga telah dilaksanakan dalam pelbagai peringkat untuk menghadapi turun naik dalam aliran modal. Sebahagian besar pengawalan berhemat telah dilaksanakan, seperti pengenaan siling dan had pendedahan luaran, atau tempoh minimum pemegangan bagi instrumen domestik tertentu, tetapi yang tidak membuat perbezaan mengikut pemastautin,. Secara keseluruhan, ini telah membolehkan sektor kewangan, pasaran dan ekonomi untuk berfungsi tanpa sebarang gangguan semasa tempoh krisis kewangan global.

Meskipun dasar-dasar pada peringkat negara adalah penting, dasar ini telah dilengkapkan dengan tahap kerjasama dan pemuafakatan serantau yang lebih tinggi. Rantau Asia kini lebih ke hadapan dalam bidang pengaturan pengawasan, jaring keselamatan kewangan dan pengurusan krisis. Rangka kerja yang diwujudkan semasa tempoh ekonomi yang baik ini juga disokong oleh usaha yang berterusan dalam membangunkan persekitaran pengawalseliaan yang konsisten memandangkan kehadiran bank-bank Asia yang lebih banyak di setiap negara. Ini diperkukuh oleh kerjasama antara penyelia negara dan dalam pembangunan pengaturan bagi penyelesaian merentas sempadan.

Platform serantau telah diwujudkan bagi tujuan mengadakan forum yang berstruktur untuk menilai risiko dan kelemahan dalam rantau ini, bagi memastikan tindakan pencegahan awal dapat diambil. Usaha sama juga terus dilaksanakan dalam bidang pembangunan infrastruktur kewangan serantau, termasuk pasaran kewangan dan sistem pembayaran untuk memudahkan pengantaraan sumber kewangan yang cekap di rantau ini. Usaha sama juga diadakan dalam bidang pencegahan pengubahan wang haram, untuk memastikan integriti sistem kewangan yang semakin bersepadu di Asia. Seterusnya, usaha sama juga telah mencapai kemajuan dalam bidang pembinaan keupayaan, bagi mengukuhkan keupayaan institusi bank-bank pusat di rantau ini menangani cabaran baharu dalam persekitaran yang baharu.

Akhir sekali, salah satu trend yang paling penting tetapi kurang diberikan perhatian dalam kebanyakan ekonomi sejak dua dekad kebelakangan ini ialah peningkatan yang ketara dalam ketidaksamarataan di dalam ekonomi. Krisis ekonomi telah memburukkan trend ini memandangkan keadaan pengangguran yang tinggi di banyak bahagian dunia. Dalam banyak bidang penggubalan dasar, ketidaksamarataan seringkali tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Di Asia, keadaan ini sedang ditangani pada dua peringkat - pada peringkat negara adalah bagi membangunkan sistem kewangan yang inklusif dan jaring keselamatan sosial yang lebih baik. Pada peringkat serantau pula, supaya inisiatif serantau menjadi inklusif, bagi memastikan, tanpa mengira peringkat pembangunan, negara-negara dalam kumpulan ini akan membina kemampuan dan keupayaan masing-masing untuk memperoleh manfaat daripada kemajuan di rantau ini.

Kesimpulan

Saya ingin mengakhiri ucapan ini dengan menyatakan bahawa dasar global yang baharu telah mengambil kira cabaran landskap ekonomi dan kewangan global yang baharu. Dengan dunia yang semakin saling berhubung dan saling bergantung ini, pengukuhan dimensi merentas sempadan dalam penggubalan dasar merupakan satu keperluan.

Asia telah mengambil kesempatan daripada tempoh yang secara relatif stabil ini untuk memperkukuh integrasi ekonomi dan kewangan, serta mengukuhkan potensi ekonomi negara. Walau bagaimanapun, Asia akan terus terdedah kepada perkembangan luaran dan kejutan pada masa hadapan. Untuk bersiap sedia menghadapi kemungkinan ini dengan lebih baik, keutamaan dasar adalah untuk membina daya tahan. Ini bukan hanya dengan mempunyai penampan dan keupayaan keinstitusian, tetapi juga untuk secara kolektif menguruskan cabaran yang baharu, dan sekali gus bersedia untuk menyumbang dengan lebih kukuh lagi dalam membina kestabilan dan pertumbuhan ekonomi global.

Forum Kewangan Islam Global 2012
Kuala Lumpur, 19 September 2012

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dekad ini merupakan tempoh perubahan paling besar dalam landskap kewangan global. Dunia kini juga sedang berhadapan dengan impak krisis kewangan global yang berterusan. Meskipun persekitaran kewangan dan ekonomi global kini kian mencabar, kewangan Islam masih terus berkembang. Tempoh ini telah menjadi suatu penentu buat kewangan Islam. Pertumbuhan pantas serta pengantarabangsaan kewangan Islam yang giat dalam dekad ini telah meningkatkan peranannya dalam memperkukuh hubungan ekonomi antarabangsa antara rantau yang berlainan di dunia.

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana berpeluang mengalu-alukan kedatangan anda semua ke Forum Kewangan Islam Global (Global Islamic Finance Forum, GIFF) 2012 yang ketiga pagi ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Republik Turki, Tuan Yang Terutama (TYT) Ali Babacan atas kesudian beliau memenuhi undangan menyampaikan Syarahan Awam di Forum hari ini. Kami amat berbesar hati atas kehadiran TYT dan merasa bangga kerana berpeluang mendengar syarahan oleh TYT.

Kewangan Islam: Memupuk Hubungan Global

Dimensi antarabangsa kewangan Islam ternyata semakin penting dalam era baharu ini. Kewangan Islam terus menunjukkan daya maju dan daya saingnya dalam persekitaran kewangan yang lebih liberal dan global. Saiz jumlah aset kewangan Islam kini melebihi USD1 trilion – hasil pertumbuhan yang berterusan sejak pertengahan tahun 1990-an. Kini terdapat lebih 600 institusi kewangan Islam yang sedang beroperasi di lebih 75 buah negara. Institusi perbankan Islam yang sedia ada juga semakin giat meluaskan operasi mereka ke negara-negara baharu, sekali gus meningkatkan aliran kewangan merentas sempadan. Bilangan peserta antarabangsa dalam pasaran kewangan Islam juga semakin bertambah.

Sejak lewat tahun 1990-an, pasaran sukuk telah muncul sebagai satu bentuk pengantaraan yang penting dalam kewangan Islam. Sukuk memainkan peranan penting dalam struktur pembiayaan projek infrastruktur, pelaburan dalam sektor utiliti, khususnya projek air dan tenaga, dan dalam sektor perkhidmatan iaitu dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan dan pengangkutan. Kewangan Islam pada dasarnya menyediakan tawaran nilai (value propositions) yang jelas kepada para penerbit dan pelabur global. Bagi penerbit, terdapat akses kepada sumber dana dan mudah tunai baharu. Juga, melalui langkah pengenalan kelas aset baharu, pelabur dapat meraih manfaat daripada pempelbagaian portfolio dan peluang pelaburan baharu yang sejajar dengan aktiviti pelaburan yang produktif.

Pengantarabangsaan kewangan Islam: Manfaat yang Saling Memperkukuh

Kekukuhan kewangan Islam berakar umbi daripada fungsi menyediakan perkhidmatan kepada ekonomi benar. Satu ciri penting kewangan Islam ialah transaksi kewangannya perlu berlandaskan transaksi ekonomi yang sebenar. Oleh itu, apabila kewangan Islam merentas sempadan negara, ia memudahkan aliran kewangan lantaran menyokong aliran perdagangan dan pelaburan antarabangsa.

Hasilnya, hubungan ekonomi boleh ditingkatkan dan kesalinghubungan ekonomi antara satu sama lain diperkukuh.

Dalam persekitaran global semasa, ekonomi sedang pesat membangun telah menunjukkan daya tahannya dengan keupayaannya untuk terus mencatat pertumbuhan meskipun terdapat perkembangan global yang lebih sederhana. Oleh itu, prospek bagi pertumbuhan yang saling memperkukuh adalah amat cerah berikutan kesalinghubungan ekonomi yang lebih ketara. Perdagangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun kini mencakupi lebih separuh daripada jumlah perdagangan dunia. Permintaan dalam ekonomi sedang pesat membangun yang semakin meningkat juga menjana peluang pelaburan. Dalam persekitaran ini, kewangan Islam berpotensi besar untuk memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan yang saling memperkukuh. Dalam usaha membangunkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam, hasrat kami adalah untuk menjadikan hab ini berkait rapat dengan rangkaian hab kewangan yang lain. Dengan berbuat demikian, hubungan ekonomi kami dengan negara lain di dunia akan dapat ditingkatkan.

Pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih nyata akan mempengaruhi corak integrasi kewangan dan ekonomi global, dan secara khusus, membantu mewujudkan kembali integrasi kewangan dan ekonomi antara negara di sepanjang laluan sutera lama dari Asia ke Turki dan Timur Tengah serta Afrika, dan ke pasaran kewangan yang telah lama berkembang dan ekonomi maju. Pada awal dekad ini, aktiviti perdagangan telah beralih ke arah ekonomi sedang pesat membangun yang mencakupi 63 peratus atau USD37 trilion daripada jumlah perdagangan dunia pada akhir tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding sedekad yang lalu.

Sementara sektor perbankan Islam memainkan peranan penting sebagai pengantara aliran kewangan merentas sempadan, pasaran sukuk pula menjadi segmen penting dalam kewangan Islam kerana menyediakan platform untuk mewujudkan kesalinghubungan antarabangsa. Pasaran sukuk telah menunjukkan keupayaannya menjadi pengantara dana merentas sempadan dan telah menyumbang kepada pengagihan dana yang efektif dalam sistem kewangan global. Sukuk melambangkan produk yang benar-benar bersifat global bagi aktiviti perolehan dana dan pelaburan antarabangsa. Kini semakin banyak agensi pelbagai hala, negara, agensi Kerajaan dan syarikat, termasuk syarikat multinasional, bergantung pada pasaran sukuk untuk mendapatkan pembiayaan. Malah komposisi pelabur sukuk yang pelbagai merentas benua juga telah mempertingkat dimensi antarabangsa pasaran sukuk. Di Malaysia, pasaran sukuknya telah berkembang menjadi pasaran sukuk pelbagai denominasi mata wang dengan terbitan sukuk perintis dalam dolar AS, dolar Singapura dan Renminbi.

Pengantarabangsaan Kewangan Islam: Faktor Kejayaan Utama

Satu perkembangan baharu yang semakin nyata ialah pengantarabangsaan kewangan Islam yang berlaku dengan pantas, lantas memerlukan sokongan kuat tiga faktor penting bagi memastikan kemampanannya. Pertama, penawaran pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam global bermutu tinggi yang boleh memenuhi keperluan perniagaan antarabangsa. Dalam fasa urus niaga antarabangsa yang makin meningkat, kewangan Islam perlu menjadi dinamik dan inovatif dengan penekanan terhadap usaha membangunkan penyelesaian kewangan yang pelbagai dan menyeluruh mengikut prinsip Syariah bagi memenuhi keperluan perniagaan yang berbeza-beza termasuk keperluan perniagaan antarabangsa yang seterusnya membantu pelaburan merentas sempadan.

Kedua, mempunyai pengantara dan peserta pasaran yang pelbagai dan dinamik yang berfokus global. Ini termasuk mempunyai peserta pasaran perbankan Islam, takaful dan pasaran modal yang operasinya melangkaui sempadan negara bagi merebut peluang pada

peringkat global. Penyedia perkhidmatan sampingan global yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai Syariah juga berperanan penting dalam menyediakan perkhidmatan profesional sokongan buat pengantara dan peserta pasaran tersebut untuk melaksanakan aktiviti merentas sempadan dengan berkesan.

Selain itu, bekalan tenaga mahir yang diperlukan juga merupakan satu lagi faktor penting dalam memacu sektor kewangan Islam ke arah pengantarabangsaan yang lebih luas. Landskap kewangan baharu memerlukan bekalan tenaga mahir perniagaan yang bertaraf dunia dan ahli lembaga pengarah yang arif tentang risiko berkaitan dengan pengantarabangsaan. Kerjasama lebih erat antara industri dengan penyedia perkhidmatan pendidikan adalah penting dalam menyokong keperluan tenaga mahir industri ini dalam fasa pembangunan baharunya. Hari ini, kita akan menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) antara peserta industri dengan institusi akademik ditandatangani. MoU ini bertujuan untuk menubuhkan pusat penyelidikan pengurusan kekayaan Islam. Usaha yang wajar ini adalah khusus untuk menghasilkan penyelidikan gunaan dalam bidang pengurusan kekayaan Islam. Usaha ini dijangka menggalakkan inovasi yang akan memberikan manfaat global dan juga menyumbang kepada penetapan piawaian industri dalam komponen penting industri kewangan Islam.

Ketiga, hubungan dan kaitan yang efektif antara pasaran kewangan global akan dibantu oleh pendorong perniagaan, khususnya dalam bidang perundangan, percukaian dan pengawalan. Landskap global baharu yang bercirikan aliran kewangan merentas sempadan yang meningkat antara rantau yang berbeza bangsa dan budaya turut menekankan keperluan yang lebih tinggi untuk mengetahui dan memahami amalan dalam negara yang berbeza. Keperluan amat penting ini membawa kepada permintaan tinggi terhadap penggunaan dokumen dan perjanjian yang standard dalam kalangan peserta pasaran kewangan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keseragaman pasaran, di samping mengurangkan kos transaksi dalam usaha kita merapatkan kesalinghubungan global. Dokumen dan amalan yang standard bagi sebilangan produk telah diterima pakai oleh negara-negara melalui perjanjian dua hala dan pelbagai hala. Ini telah memudahkan terbitan instrumen pasaran kewangan dan menyumbang kepada peningkatan mudah tunai dalam pasaran kewangan Islam serta kesalinghubungan antara pasaran yang lebih tinggi. Pemahaman dan kejelasan yang lebih mendalam mengenai hal-hal Syariah juga akan membantu ke arah penumpuan dan pengharmonian pentafsiran tersebut merentas negara sekali gus menyumbang kepada pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Merealisasikan Potensi Merentas Sempadan dan Meningkatkan Hubungan Ekonomi antara Negara

Melalui jangkauan antarabangsa dan keupayaan menyediakan penyelesaian kewangan yang menyeluruh, kewangan Islam telah membuka sempadan baharu berserta peluang baharu. Sambil kita memasuki persekitaran global yang semakin tidak pasti, kita juga wajar mengkaji semula strategi untuk meningkatkan daya tahan kewangan Islam.

Forum Kewangan Islam Global 2012 ini yang bertemakan “Pengantarabangsaan Kewangan Islam: Meningkatkan Hubungan Ekonomi Antara Negara” tertumpu pada prospek antarabangsa industri kewangan Islam dan potensi peranannya yang besar dalam memperkukuh hubungan ekonomi merentas sempadan. Lebih 500 peserta dari lebih 50 negara dari seluruh dunia berkumpul hari ini di Forum ini untuk meneliti prospek ini. Dalam program plenari dan program serentak termasuk Forum Pengawal Selia, Forum Cendekiawan Syariah Antarabangsa, Persidangan Pengurusan Mudah Tunai Islam Global dan Forum Percukaian Kewangan Islam Global, satu acara kemuncak baharu

yang turut diadakan ialah Forum Meningkatkan Hubungan Ekonomi Antara Negara yang bertujuan membincangkan prospek dan peluang kewangan Islam merentas sempadan serta meneliti kesalinghubungan pasaran yang boleh dijalin melalui kewangan Islam. Beberapa MoU penting juga akan ditandatangani sepanjang Forum ini, lantas menyerlahkan komitmen dan kerjasama antarabangsa yang semakin kukuh.

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya melahirkan penghargaan kepada barisan penceramah terkemuka atas sumbangan mereka sepanjang GIFF 2012 ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Republik Turki, TYT Ali Babacan atas kesudian beliau meluangkan masa dan menyampaikan ucapan pada Forum ini.

Seminar Mengenai Penyelesaian Perdagangan dan Pelaburan Renminbi di Malaysia: Prospek Akan Datang Kuala Lumpur, 27 September 2012

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Perubahan dalam konfigurasi ekonomi global adalah ketara sepanjang dekad ini. Dalam landskap yang berubah ini, Asia muncul sebagai komponen yang semakin penting dalam ekonomi dunia. Dalam tempoh ini, kebanyakan ekonomi Asia telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang sangat tinggi meskipun dalam persekitaran yang mencabar. Dengan pendapatan yang meningkat di rantau ini, pasaran Asia secara kumulatif juga telah menjadi sangat besar. Trend ini seterusnya telah mendorong kepada peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau. Trend terkini yang baru muncul di rantau Asia ialah peningkatan dalam integrasi kewangan serantau yang memudahkan peningkatan dalam aliran kewangan merentas sempadan di rantau ini yang membiayai aktiviti pelaburan yang produktif.

Susulan krisis kewangan global yang berlaku baru-baru ini, cabaran paling nyata yang dihadapi ekonomi dunia adalah dalam memastikan kekukuhan ekonomi yang berterusan. Meskipun kebanyakan ekonomi setiap negara telah melaksanakan pelbagai langkah dasar untuk menggalakkan pertumbuhan, tidak kurang penting ialah usaha untuk mengekalkan perdagangan dunia yang akan saling memperkukuh pertumbuhan global. Perkembangan ekonomi Republik Rakyat China (RR China) dalam perubahan global ini serta pengaruh renminbi yang semakin meningkat membawa kepada suatu era baharu yang mencabar. Dari segi saiz dan prestasi ekonominya, RR China mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan dunia. Permintaan, perdagangan dan aktiviti pelaburan merentas sempadannya akan mengukuhkan potensi ini. Trend penggunaan renminbi dalam penyelesaian perdagangan dan aktiviti pelaburan merentas sempadan sejak kebelakangan ini akan memudahkan potensi ini.

Saya berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Seminar Penyelesaian Perdagangan dan Pelaburan Renminbi. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kehadiran penceramah yang diundang daripada People's Bank of China dan Kementerian Perdagangan (Mofcom) RR China. Saya juga ingin mengalu-alukan ahli panel daripada industri kewangan dan sektor korporat yang ada bersama-sama pada hari ini untuk berkongsi pengalaman mereka beroperasi dalam persekitaran ekonomi dan kewangan semasa yang mencabar.

Hubungan ekonomi antara Malaysia dengan RR China telah lama terpahat dan terbina pada asas yang kukuh. Hari ini, RR China merupakan rakan perdagangan Malaysia terbesar yang merangkumi 14% daripada jumlah perdagangan negara. Malaysia juga mempunyai kedudukan sebagai rakan perdagangan RR China yang terpenting di rantau ASEAN. Perdagangan negara dengan RR China telah terus berkembang dan meningkat sebanyak 20% setahun pada dua dekad kebelakangan ini. Kini perdagangan dua hala negara dengan RR China ialah tujuh kali lebih tinggi daripada paras pada awal tahun 1990-an.

Hubungan ekonomi negara juga telah berkembang luas melangkaui perdagangan dan meliputi sektor perkhidmatan, khususnya sektor kewangan, pelancongan dan

pendidikan. RR China adalah antara lima pasaran pelancongan Malaysia yang terbesar dan warganegara RR China mewakili golongan pelajar asing yang terbesar di universiti dan kolej swasta di Malaysia. Pelaburan dua hala juga bertambah penting, terutama sekali dengan perjanjian antara kedua-dua Kerajaan baru-baru ini yang melibatkan pewujudan taman industri di kedua-dua negara. Asas kepada hubungan ekonomi dua hala yang kukuh ini ialah keupayaan untuk memanfaatkan sinergi dan kesalinglengkapan ekonomi yang wujud antara ekonomi kedua-dua negara secara berterusan.

Penggunaan renminbi untuk penyelesaian perdagangan merupakan pelindung yang semula jadi untuk perniagaan yang mempunyai obligasi renminbi. Penggunaan renminbi juga menghasilkan penjimatan kos dan mengurangkan risiko kadar pertukaran, khususnya pengurangan pendedahan kepada turun naiknya mata wang ketiga. Walaupun dolar akan terus kekal sebagai mata wang penting untuk penyelesaian obligasi perdagangan, ketersediaan renminbi akan membolehkan syarikat menggunakan mata wang alternatif untuk penyelesaian perdagangan tersebut.

Manfaat yang akan diraih mungkin besar memandangkan asas perdagangan yang luas dan semakin meningkat dengan RR China yang berjumlah RM167 bilion pada tahun 2011. Dalam melaksanakan urus niaga menggunakan mata wang tempatan, pengeksport dan pengimport di RR China akan dapat memansuhkan kos lindung nilai dan penukaran. Pengurangan kos urus niaga untuk pengeksport dan pengimport akan menyumbang kepada harga yang lebih berdaya saing untuk pengeksport dan pengimport. Walau bagaimanapun, manfaat sepenuhnya dijangka dapat direalisasikan secara berperingkat-peringkat. Manfaat ini akan bertambah apabila jumlah perdagangan yang diselesaikan dengan menggunakan renminbi meningkat dan mencapai jumlah yang kritikal dari segi saiz, dan seterusnya mendorong dalam merealisasikan ekonomi berskala.

Untuk renminbi dipertimbangkan sebagai mata wang pilihan oleh para pengeksport dan pengimport untuk menyelesaikan obligasi perdagangan mereka sebagai tambahan kepada mata wang utama yang digunakan, perlu wujud sumber pembiayaan renminbi yang cekap dan berdaya saing dari segi kos serta saluran pelaburan yang pelbagai. Khususnya, kemajuan peringkat awal dalam tiga bidang amatlah perlu bagi menyokong penggunaan renminbi, iaitu meningkatkan akses kepada mudah tunai renminbi, mempunyai infrastruktur dan rangka kerja sokongan, serta menyediakan maklumat mengenai penggunaan renminbi untuk transaksi perdagangan dan pelaburan produktif. Sejak lebih tiga tahun yang lalu, iaitu pada tahun 2009, Bank menandatangani Perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang (Currency Swap Arrangement, CSA) dengan People's Bank of China, yang kemudiannya diperbaharui awal tahun ini dengan tambahan peruntukan sebanyak RMB180 bilion. Objektifnya adalah untuk memastikan bekalan renminbi tersedia dalam pasaran kewangan domestik bagi memenuhi permintaan sektor perniagaan.

Infrastruktur penting yang disediakan pada tahun 2010 ialah sebut harga langsung antara renminbi dengan ringgit dalam pasaran pertukaran asing antara bank dalam Sistem Perdagangan Pertukaran Asing China (China Foreign Exchange Trade System, CFETS). Selain itu, usaha telah diambil untuk meningkatkan ketelusan kadar pertukaran antara renminbi dengan ringgit bagi urus niaga penyelesaian berkaitan perdagangan. Pada bulan Mac tahun ini, sistem penyelesaian kasar masa nyata di Malaysia telah diperluas untuk meliputi perkhidmatan penyelesaian menggunakan renminbi. Usaha ini menyediakan platform penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan cekap yang menyokong perdagangan dan aliran pelaburan dalam renminbi.

Program kesedaran di seluruh negara oleh Bank dengan kerjasama institusi perbankan dan dewan perniagaan juga telah meningkatkan kepekaan mengenai

renminbi bagi penyelesaian perdagangan dan pelaburan. Bank juga telah menyertai pasaran bon antara bank di China. Pada tahun 2011 sahaja, saiz penyelesaian perdagangan renminbi di Malaysia meningkat empat kali ganda berbanding paras setahun yang lalu sekali gus mencerminkan minat yang bertambah untuk menggunakan renminbi sebagai mata wang penyelesaian.

Penggunaan renminbi yang lebih meluas turut disokong oleh pelbagai peserta korporat dari segi saiz dan merentas semua sektor. Bukan sahaja bilangan peserta korporat bertambah, malah secara relatif terdapat anjakan penting dalam penggunaan renminbi sebagai mata wang penyelesaian perdagangan daripada syarikat lebih kecil kepada syarikat yang lebih besar. Penyertaan korporat juga menjadi lebih meluas daripada aktiviti ekonomi merentas segmen yang lebih besar, iaitu dalam industri berasaskan komoditi, serta sektor perkilangan dan perkhidmatan, termasuk pelancongan dan pendidikan. Jumlah institusi kewangan yang menyertai penyelesaian perdagangan menggunakan renminbi juga meningkat. Kini terdapat 19 institusi kewangan yang membantu penyelesaian perdagangan dengan menggunakan kaedah tersebut, iaitu pertambahan dua kali ganda berbanding dengan tahun 2009.

Baru-baru ini, terdapat peningkatan penggunaan renminbi sebagai mata wang pelaburan dan pendanaan. Pada tujuh bulan pertama 2012, deposit renminbi dalam sistem perbankan meningkat tiga kali ganda. Juga ketara ialah minat yang bertambah dalam usaha mendapatkan pembiayaan dalam renminbi untuk memenuhi keperluan pendanaan, dengan dua terbitan sukuk renminbi luar pesisir dari Malaysia dan terbitan bon renminbi oleh sebuah syarikat Malaysia.

Meskipun kemajuan yang dicapai setakat ini adalah sederhana, namun potensi adalah cerah memandangkan jumlah perdagangan dua hala merentas sempadan dan pelaburan langsung asing adalah besar antara ekonomi kita. Perdagangan yang diselesaikan dalam renminbi pada masa ini hanya mewakili lebih sedikit daripada 1% daripada perdagangan dua hala Malaysia dengan China. Terdapat potensi yang besar untuk trend ini meningkat. Di samping itu, aktiviti pendanaan dan pelaburan langsung asing dalam renminbi juga telah meningkat seiring dengan bertambahnya kesedaran mengenai penggunaan renminbi untuk penyelesaian transaksi perdagangan dan pelaburan langsung serta potensi untuk memperoleh dana oleh sektor perniagaan.

Yang penting dalam inisiatif ini ialah akses yang lebih luas kepada saluran pelaburan portfolio dalam renminbi. Dengan adanya bon dan sukuk renminbi serta produk kewangan lain untuk pelaburan portfolio, ia bukan sekadar menggalakkan penerimaan dalam renminbi (renminbi receivables) bahkan membantu mewujudkan kelompok mudah tunai renminbi yang didorong oleh perdagangan dalam pasaran Malaysia. Satu lagi saluran penting yang akan menyokong penggunaan renminbi dalam perdagangan dan pelaburan ialah repatriasi ke China sebagai pelaburan langsung asing dalam sektor benar.

Usaha memperoleh dana dalam renminbi juga merupakan satu lagi bentuk perkhidmatan kewangan dalam sistem kewangan Malaysia. Ini terutamanya wujud dalam saluran konvensional oleh institusi perbankan dan terbitan instrumen renminbi dalam pasaran bon dan sukuk di Malaysia. Malaysia bukan sahaja mempunyai pasaran sekuriti hutang terbesar di Asia Tenggara bahkan merupakan pusat antarabangsa terbitan sukuk yang terkemuka. Kedua-dua pasaran tersebut sedang berkembang sebagai pasaran bon dan sukuk pelbagai mata wang. Berlandaskan saiz pasaran dan infrastruktur sokongannya, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk merealisasikan potensi pertumbuhan bon renminbi dan sukuk.

Dengan pasaran renminbi yang semakin berkembang, lebih banyak maklumat diperlukan untuk menimbulkan kepekaan terhadap perkembangan pasaran. Sambil kita beralih ke arah penggunaan mata wang

lain untuk penyelesaian perdagangan, sektor perniagaan juga perlu membina kepakaran baharu, membangunkan pengaturan baharu dan menjalin rangkaian perhubungan baharu.

Izinkan saya merumuskan ucapan saya ini. Oleh sebab Asia, dan China khususnya, menjadi semakin penting dalam ekonomi global, tindak balas dinamik diperlukan dalam persekitaran operasi yang sedang kita hadapi. Salah satu perubahan yang akan membentuk sistem kewangan antarabangsa pada masa akan datang ialah peranan renminbi yang lebih besar dalam perdagangan dan kewangan. Walaupun mata wang rizab antarabangsa akan kekal penting, perkembangan ini menandakan bahawa terdapat satu mata wang tambahan dalam sistem kewangan antarabangsa. Perkembangan ini dijangka berlaku apabila ekonomi dunia menjadi semakin berbilang polar.

Dalam persekitaran ekonomi dan kewangan yang semakin kompleks dan mencabar, yang lantas menjadikannya lebih mudah terdedah kepada ketidaktentuan dan ketidakpastian, trend untuk mempelbagaikan risiko akan menjadi lebih ketara. Dalam memberikan laluan kepada langkah pempelbagaian, langkah ini juga akan membawa kepada kestabilan global secara keseluruhan dalam sistem kewangan antarabangsa. Di pihak kami pula, Bank komited untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa China untuk memudahkan penggunaan renminbi yang bertunjangkan aktiviti sektor benar untuk kepentingan ekonomi kita bersama. Seminar hari ini akan membincangkan isu berkaitan penggunaan renminbi dalam perdagangan dan pelaburan. Sebagai penutup, saya berharap agar seminar ini akan menjadi platform pertemuan yang berjaya lagi produktif buat anda semua.

KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2012

5 Julai 2012

Pada mesyuaratnya yang keempat bagi tahun 2012, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00 peratus. Berdasarkan penilaian MPC, ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global masih lagi ketara. Melangkah ke hadapan, MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap keadaan ekonomi yang sentiasa berubah dan kesannya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada mesyuaratnya yang berikut pada 6 September, MPC mengekalkan OPR pada paras sama, dengan menyatakan bahawa pendirian dasar monetari semasa adalah akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

12 Julai 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan wang kertas siri baharu Malaysia akan berada dalam edaran mulai 16 Julai 2012. Wang kertas siri baharu ini menggunakan kemajuan terkini dalam teknologi wang kertas yang turut mengandungi ciri-ciri keselamatan yang lebih canggih termasuk potret tera air (watermark) dengan piksel dan angka yang diserlahkan, manakala golongan kurang upaya penglihatan boleh menggunakan ciri khusus seperti pengenalpastian secara sentuhan untuk mengenali dan membezakan denominasi yang berlainan. Wang kertas baharu ini adalah sah diperlakukan dan akan diedarkan bersama-sama dengan wang kertas sedia ada. Orang ramai boleh mendapatkan wang kertas baharu ini melalui urus niaga biasa mereka. Selanjutnya pada 10 Ogos 2012, Bank memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan wang kertas baharu adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan semasa musim perayaan bagi tujuan pembayaran dan transaksi perniagaan, apabila semua bank perdagangan dikehendaki memastikan cawangan mereka mempunyai bekalan wang kertas yang mencukupi untuk memenuhi permintaan orang ramai.

15 Ogos 2012

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.4% pada S2 2012 (S1 2012: 4.9%) meskipun persekitaran luaran yang mencabar. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, disokong oleh kedua-dua perbelanjaan sektor swasta dan awam yang meningkat dengan teguh. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang, diterajui oleh sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan. Sementara itu, kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.7% pada S2 2012 (S1 2012: 2.3%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang sederhana dalam *makanan dan minuman tanpa alkohol* berikutan penurunan dalam harga daging dan sayur-sayuran.

Pada hari yang sama, Bank juga memperkenalkan rangka kerja perbankan ejen dalam usaha mencapai sektor kewangan yang lebih inklusif. Sebagai satu saranan dalam Pelan Sektor Kewangan, inisiatif ini membolehkan institusi kewangan meluaskan perkhidmatan mereka kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan(underserved) khususnya di kawasan luar bandar dengan cara yang lebih berkesan dari segi kos melalui penggunaan saluran runcit bukan bank. Ejen bank berdaftar akan menyediakan perkhidmatan perbankan asas seperti menerima deposit dan memudahkan pengeluaran, pemindahan dana, pembayaran bil dan pembayaran balik pembiayaan. Bank juga telah mengeluarkan Garis Panduan Perbankan Ejen kepada institusi kewangan untuk memastikan bahawa perbankan ejen dijalankan dengan selamat dan diyakini. Garis Panduan ini menggariskan keperluan yang harus dipatuhi oleh institusi kewangan dalam bidang tadbir urus dan pengawasan, pengurusan ejen bank, perlindungan,

kesedaran dan pendidikan pengguna. Semua ejen bank berdaftar akan mempamerkan logo kebangsaan perbankan ejen bersama-sama dengan logo institusi kewangan masing-masing bagi memudahkan orang ramai mengenal pasti ejen bank yang sah dan perkhidmatan perbankan asas yang disediakan.

23 Ogos 2012

Gabenor Dr. Zeti telah dinobatkan sebagai salah seorang daripada enam orang Ketua Perbankan Pusat terbaik dunia bagi tahun 2012 oleh majalah *Global Finance*. Beliau memperoleh penarafan "A" buat kali kelapan (daripada sembilan tahun) dalam rencana tahunan yang diterbitkan oleh majalah tersebut yang bertajuk "Central Banker Report Card " bagi kejayaan beliau terutamanya dalam bidang seperti kawalan inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.

1 September 2012

Dalam ucapan beliau pada Simposium Ekonomi 2012 di Jackson Hole, Amerika Syarikat, Gabenor menyatakan bahawa dasar global yang baharu telah mengambil kira cabaran landskap ekonomi dan kewangan global yang baharu. Dengan dunia yang semakin saling berhubung dan saling bergantung ini, pengukuhan dimensi merentas sempadan dalam penggubalan dasar merupakan satu keperluan. Beliau menambah bahawa Asia telah mengambil kesempatan dari tempoh yang secara relatif stabil ini untuk memperkukuh integrasi ekonomi dan kewangan, serta mengukuhkan potensi ekonomi negara. Walaupun Asia akan terus terdedah kepada perkembangan luaran dan kejutan pada masa hadapan, namun untuk bersiap sedia menghadapi kemungkinan ini dengan lebih baik, keutamaan dasar adalah untuk membina daya ketahanan. Ini termasuk, bukan hanya dengan mempunyai penampan dan keupayaan keinstitusian, tetapi juga untuk secara kolektif menguruskan cabaran baharu, dan sekaligus bersedia untuk menyumbang dengan lebih kukuh lagi dalam membina kestabilan dan pertumbuhan ekonomi global.

18 – 20 September 2012

Bank Negara Malaysia menganjurkan Forum Kewangan Islam Global ketiga (third Global Islamic Finance Forum, GIFF) 2012 yang bertemakan "Pengantarabangsaan Kewangan Islam: Meningkatkan Hubungan Ekonomi Antara Negara" di Kuala Lumpur. Sebagai satu acara penting dalam kalendar kewangan Islam antarabangsa, GIFF 2012 telah mempertemukan para pengawal selia, cendekiawan, dan peserta industri kewangan untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan dan wawasan mengenai potensi pertumbuhan dan peluang dalam pengantarabangsaan kewangan Islam. Dalam ucapan alu-aluan beliau di GIFF 2012 ini, Gabenor menekankan bahawa persekitaran baharu yang muncul ialah pengantarabangsaan pesat kewangan Islam yang perlu disokong kuat oleh tiga faktor penting bagi memastikan kemampanannya. Pertama, penawaran pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam global bermutu tinggi yang boleh memenuhi keperluan perniagaan antarabangsa. Kedua, mempunyai pengantara dan peserta pasaran yang pelbagai dan dinamik yang berfokus global, selain mempunyai bekalan tenaga mahir yang diperlukan. Ketiga, hubungan dan kaitan yang efektif antara pasaran kewangan global yang akan dibantu oleh pendorong perniagaan, khususnya dalam bidang perundangan, percukaian dan pengawalan. Bersempena GIFF 2012, Encik Iqbal Khan, ahli bank Islam terkemuka merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital, yang berpangkalan di Dubai, dipilih sebagai penerima kedua Anugerah Diraja untuk Kewangan Islam, atas kecemerlangan kepimpinan dan dedikasi beliau dalam kewangan Islam. Anugerah ini merupakan penanda aras global dalam mengenal pasti individu yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan kewangan Islam pada peringkat global.

19 September 2012

Bank Negara Malaysia memberikan status "Emas" bagi terbitan sukuk RMB1 bilion oleh Axiata Group Berhad, sukuk USD800 juta oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) dan sukuk boleh tukar USD357.8 juta oleh Khazanah Nasional Berhad. Terbitan kesemua sukuk ini adalah susulan terbitan terdahulu siri instrumen pembiayaan Islam dalam mata wang asing di Malaysia sejak tahun 2009, sejajar dengan status Malaysia sebagai pasaran sukuk pelbagai mata wang yang semakin berkembang.

27 – 28 September 2012

Bank Negara Malaysia menganjurkan dua seminar di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mengenai Penyelesaian Perdagangan dan Pelaburan dalam Renminbi di Malaysia untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai prospek penggunaan renminbi untuk tujuan penyelesaian perdagangan dan pelaburan. Seminar ini telah menarik lebih 800 peserta, yang terdiri daripada pegawai kanan terutamanya daripada sektor kewangan dan korporat. Beberapa topik utama yang menarik telah dibentangkan, termasuk tawaran nilai (value proposition) bagi penggunaan renminbi dalam urusan perniagaan dengan China; aspek pengawalseliaan dan operasi dalam penggunaan renminbi; serta potensi untuk aktiviti pembiayaan dan pelaburan langsung asing dalam renminbi. Dalam ucaptama beliau di seminar di Kuala Lumpur itu, Gabenor berkata bahawa walaupun rizab mata wang antarabangsa yang sedia ada akan kekal penting, dengan adanya renminbi akan menyediakan syarikat dengan mata wang tambahan yang boleh digunakan untuk urusan perniagaan dengan China. Beliau menambah bahawa pengeksport dan pengimport Malaysia perlu mempunyai kesedaran yang lebih besar terhadap kemudahan yang disediakan untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan pelaburan mereka. Beliau juga berkata bahawa peranan renminbi yang lebih luas dalam perdagangan dan kewangan adalah salah satu perubahan yang akan membentuk kewangan antarabangsa lantas menjadikannya satu lagi mata wang rizab tambahan dalam sistem kewangan antarabangsa.